



PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4783]

PENGUMUMAN YANG DIPERTUA:

Penolong bagi Timbalan Yang Dipertua [Ruangan 4808]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1973:

Jawatankuasa—

Jadual—

Kepala-kepala B. 1 hingga B. 11 dan B. 13 [Ruangan 4809]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1973:

Kepala-kepala P. 7 dan P. 9 [Ruangan 4809]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Khamis, 21hb Disember, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI DATUK NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

Yang Berhormat TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M., J.P. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

Yang Berhormat PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).

- .. TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- .. TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- .. TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- .. DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- .. TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- .. TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- .. WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- .. TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- .. PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- .. TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- .. DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- .. TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- .. TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- .. TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- .. TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanojit).
- .. TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- .. TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- .. TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- .. TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M.,
P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- .. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- .. Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- .. Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- .. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- .. Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- .. Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).

- „ DATUK HAJI ABDULRAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Trengganu Tengah).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Pasar Mas Hilir).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O.,
O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P.
(Menglembu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PENGARAH FILEM—LARANGAN MASUK MALAYSIA

1. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pengarah-pengarah filem yang dilarang memasuki Malaysia dengan memberikan negeri-negeri asal mereka.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, belum ada lagi pengarah filem dilarang masuk ke negeri ini. Walau bagaimanapun, ada seorang warganegara Singapura yang berasal dari Indonesia yang bekerja sebagai pengarah filem telah dilarang masuk ke negeri ini. Larangan itu diperbuat bukanlah sebab-sebab kegiatan beliau sebagai pengarah filem tetapi kerana aktiviti-aktiviti peribadinya yang mengancam keselamatan negara ini.

CHINA PICTORIAL—RENCANA

2. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapakah beberapa kalimat dalam rencana-rencana penerbitan "China Pictorial" telah dipadamkan sebelum mereka dikeluarkan untuk jualan kepada orang ramai.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, kalimat-kalimat ini dipadamkan oleh kerana mereka dianggap perasangka terhadap keselamatan negara.

Tuan Loh Jee Mee: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah sebabnya China Pictorial 5th dan 6th issue diharamkan?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Mereka dianggap perasangka kepada keselamatan negara kita.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan sebabnya, adakah merbahaya, jika ada?

Tuan Yang di Pertua: Itu yang dikatakan bagi keselamatan negara—merbahaya.

SYARIKAT KEBANGSAAN MINYAK INDONESIA—BANTU MALAYSIA

3. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada perbincangan di antara Malaysia dengan Syarikat Kebangsaan Minyak Indonesia (PERTAMINA) bagi Syarikat itu untuk membantu Malaysia menubuhkan Perbadanan Minyak Nasional telah menelurkan satu perjanjian dalam perusahaan minyak di antara kedua-dua syarikat itu.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, sungguhpun satu rombongan terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Kerajaan Persekutuan dan pegawai daripada Kerajaan Sarawak telah pergi melawat Indonesia pada 5.10.1972 baru-baru ini selama seminggu untuk berbincang dengan pegawai-pegawai PERTAMINA mengenai segala aspek-aspek perusahaan minyak di Indonesia, tetapi perjanjian seperti yang di maksudkan oleh Yang Berhormat di dalam soalnya itu masih lagi dalam proses perbincangan dan mungkin akan dapat diselesaikan tidak berapa lama lagi. Laporan mengenai lawatan itu masih lagi dalam peringkat persediaan, dan langkah selanjutnya mungkin berkehendak pertimbangan mendalam. Sampai peringkat ini, kita telah dapat kesanggupan daripada pihak Pertamina mendapat bantuan seorang pakar sebagai penasihat di Kementerian dan menggunakan kemudahan latihan peringkat pertengahan di Indonesia untuk melatih orang Malaysia.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Apakah Kerajaan kita telah pelajari daripada perbincangan-perbincangan kita dengan Syarikat PERTAMINA?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Sebenarnya banyak perkara yang telah kita perhatikan tetapi pada peringkat ini mengenai soal structure organisation ataupun bentuk jentera menjalankan sebuah perbadanan yang akan menjalankan hal ehwal minyak kita di Malaysia ini. Dan sungguhpun kita tahu di Indonesia perbadanan itu telah berjalan dalam keadaan di Indonesia,

kita mestilah mengkaji keadaan di dalam negara kita ini sendiri sebelum kita dapat menyesuaikan contoh-contoh yang telah kita perhati di Indonesia untuk kegunaan dalam negara ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di Pertua, bilakah Kerajaan akan menubuhkan perbadanan minyak nasional?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Dalam target saya sendiri adalah dua tahun daripada tahun 1972 ini, tetapi ini mestilah tertakluk kepada boleh atau tidak saya mendapatkan pegawai-pegawai yang mempunyai latihan yang sesuai dan yang mempunyai pengalaman. Pada masa sekarang ini kita telah mengambil langkah dengan cara membuatkan satu bahagian di dalam Kementerian ini yang menguasai hal minyak iaitu dua tiga langkah mestilah dijalankan dahulu sebelum kita dapat menubuhkan sebuah perbadanan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Kerajaan Indonesia bersedia membiayai penubuhan Perbadanan Minyak Nasional? (National Oil Corporation).

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Sebenarnya kita tidak bertanya tentang hal bantuan wang daripada Indonesia.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di Pertua, oleh kerana Malaysia tidak mempunyai National Oil Corporation, adakah Menteri akan meminta bantuan kewangan dan teknik-teknik daripada Shell, Caltex, Esso bagi penubuhan National Oil Corporation sendiri?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Soal bantuan wang mungkin tidak akan menjadi tajuk perbincangan kita pada masa sekarang, kerana kedudukan Kerajaan dan kedudukan operating companies dalam negara ini tidak mungkin membangkitkan satu rangka kerjasama yang demikian. Tetapi saya jangka yang boleh berlaku ialah syarikat-syarikat yang menjalankan pencarian dan pengambilan di dalam negara ini mungkin akan memberi peluang bagi rakyat-rakyat Malaysia yang akan bekerja ataupun yang sudah bekerja di dalam perbadanan ini nanti bekerja sambil mengambil pengalaman di dalam syarikat-syarikat yang ada bekerja dalam Malaysia ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Adakah Menteri sedar bahawa \$240 juta telah diuntukkan untuk Kerajaan Perak dan lain-lain syarikat asing untuk menubuhkan sebuah loji menapis minyak di Lumut, Perak?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Saya sedar, tetapi saya fikir ini agaknya luar daripada batasan soalan mula-mula.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di Pertua, adakah Kerajaan bercadang iaitu segala perusahaan minyak yang didapati dalam bumi Malaysia akan dijadikan perusahaan nasional bukan swasta?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Perbadanan yang ada pada masa sekarang ini soal seperti yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor adalah sukar kita hendak jawapkan dengan tepat, tetapi saya boleh kata di sini approach kita ialah hendak mengadakan integrated approach to the oil industry atau sejauh mana kita dapat menjalankan sejajar dengan dasar ekonomi negara kita seluruhnya adalah satu perkara yang akan dikaji dan akan kita ambil dari satu masa ke satu masa.

KES PEMBUANGAN KERJA

4. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan masa purata yang diambil oleh Kementerian dalam menyelesaikan kes-kes pembuangan kerja yang dirujuk kepada Kementerian, dan samada beliau sedar akan penderitaan yang ditanggung oleh mereka yang dibuang kerja sementara menantikan masa yang lama sebelum kes mereka diselesaikan; jika ya apakah langkah yang telah beliau ambil atau bercadang hendak ambil untuk memberikan keadilan yang segera kepada mereka.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di Pertua, hitung panjang masa yang diambil bagi menyelesaikan satu kes pembuangan yang dirujuk ke Kementerian saya adalah selama 60 hari.

Saya sedar bahawa ada kalanya kes-kes yang diselesaikan hanya setelah memakan masa yang agak lama juga. Tetapi ini adalah disebabkan oleh keadaan-keadaan di luar dari kawalan Kementerian saya seperti tidak

hadirnya pihak yang berkenaan atau saksi-saksi pada hari penyiasatan disebabkan sakit atau lain-lain keadaan yang tidak dapat diduga, alamat atau butir-butir yang tidak lengkap atau alamat yang salah yang diberikan oleh pekerja yang kena buang itu atau permintaan dari peguam atau kesatuan serkerja yang mewakili pihak berkenaan supaya ditanggguhkan.

Peraturan sekarang mengenai menyelesaikan kes-kes pembuangan kerja adalah sedang ditimbang bagi penyelarasan dan pindaan-pindaan berikutnya terhadap perbekalan-perbekalan tertentu di dalam Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 akan dibentangkan di Parlimen seberapa segera.

Tuan Ng Hoe Hun: Adakah kes-kes yang dirujukkan kepada Kementerian dirujukkan juga kepada Mahkamah Perusahaan?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, saya tidak faham soalnya itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya bertanya lagi, Tuan Yang di Pertua. Adakah kes-kes yang dirujukkan kepada Kementerian, dirujukkan juga kepada Mahkamah Perusahaan?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, biasanya sesuatu kes pembuangan kerja dilaporkan kepada Kementerian saya, Pegawai-pegawai Perhubungan Perusahaan akan siasat kes-kes yang dilaporkan dan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat akan siasat dan akan mengambil satu keputusan. Jikalau Menteri yang berkenaan memikirkan perlu, Menteri ada kuasa merujukkan kes seperti itu ke Mahkamah Perusahaan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Kalau begitu, saya hendak bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan samada bilangan Mahkamah-mahkamah Perusahaan yang ada sekarang cukup untuk menyelesaikan semua pertikaian-pertikaian. Jika tidak, adakah Menteri akan menubuhkan dengan secepat mungkin lebih banyak lagi Mahkamah Perusahaan?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, saya telah jawab tadi berkenaan kes-kes pembuangan kerja, undang-undang berkenaan dengan kes pembuangan kerja ini Kementerian sedang berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini nama pegawai-pegawai di ketiga buah Mahkamah Perusahaan yang ada sekarang ini dan samada mereka mempunyai kelayakan untuk menyelesaikan kes-kes perusahaan?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, itu soalan lain. Saya minta notis untuk soalan itu.

PENGANGGURAN DI KALANGAN BELIA-BELIA

5. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan setakat manakah kejayaan yang telah dicapai oleh Kementerian ini bagi mengurangkan masalah pengangguran di kalangan belia-belia di luar bandar.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dapat menolong juga mengatasi masalah pengangguran di kalangan belia-belia setakat ini dapat melatih lebih kurang 14,000 belia-belia kebanyakan daripada mereka ini telah diberi pekerjaan. Cuma lebih kurang 11% daripada mereka ini yang berjumlah 14,000 dan 167 yang telah dilatih di Pusat Latihan Belia, Pelupur dan Pembina Negara belum lagi mendapat pekerjaan.

Selain daripada itu Kementerian juga telah dapat menolong mengatasi masalah pengangguran ini dengan jalan memberi pinjaman, latihan, panduan dan dengan setengah-setengah tempat yang modal juga untuk belia-belia menjalankan pekerjaan sendiri khususnya di bidang perniagaan dan dengan ini pada masa sekarang sudah jelas pergerakan-pergerakan belia telah menunjukkan kegiatan-kegiatannya dalam bidang perniagaan misalnya dalam perojek Belia Peladang tanaman jangka pendek, bilangan projek adalah sebanyak 420 dan modal pula adalah sudah meningkat kepada \$230,000. Angka ini adalah berupa penambahan lebih daripada 170% yang terdapat pada tahun 1970.

Kegiatan-kegiatan belia di dalam bidang perniagaan dan perusahaan juga sudah semakin meningkat. Mengikut perangkaan yang ada sekarang ini terdapat sebanyak 35 projek perusahaan dengan modal berjumlah

\$95,000 dan projek perniagaan pula berjumlah 119 projek-projek dengan modal sebanyak \$94,000. Angka ini berupa penambahan lebih 200% bagi projek perusahaan dan 150% bagi projek perniagaan dari yang terdapat dalam tahun 1970 dan dengan ini juga sudah tentulah dengan kegiatan-kegiatan di bidang pekerjaan sendiri ini banyak belia-belie yang dahulu menganggur telah dapat pekerjaan sendiri.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Oleh kerana dasar Kerajaan kita untuk melatih pemuda-pemuda yang menganggur supaya mereka mendapat pekerjaan skill workers (pekerja-pekerja yang mahir) adakah rancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bercadang untuk melatih pemuda-pemuda yang menganggur ini bukan dilatih 6 bulan tetapi 3 tahun untuk menjadi pekerja-pekerja yang mahir sekali?

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di Pertua, rancangan kita sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum kita telah mengambil ketetapan memperluaskan lagi Pusat Latihan Dusun Tua, Pelupur dan Pembina Negara bukan sahaja dari segi menambahkan bilangan belia-belie kita yang dapat ditampung untuk diberi latihan yang diharap oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahkan juga kita memperluaskan lagi cara-cara latihan dari segi mutunya dengan menambahkan lagi bilangan bengkel-bengkel kerja yang akan ditambah dengan 10 buah tidak lama lagi dan dengan bilangan jurulatih juga ditambah dengan diberi kursus panjang tambahan yang mendalam supaya mereka dapat memberi latihan-latihan yang sesuai bagi belia-belie ini. Buat masa ini kita ada 12 orang jurulatih yang sedang mengikuti kursus-kursus jurulatih di India dan Jepun dan selepas tamat latihan 12 orang ini, kita berharap akan menghantar lebih ramai lagi supaya mengikuti kursus-kursus jurulatih yang lebih mendalam lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan memberitahu bahawa selama ini pengambilan belia-belie untuk mengikuti kursus-kursus latihan lebih banyak ditumpukan kepada belia-belie yang berada di sekitar bandar atau yang lebih berhampiran

dan rapat dengan pegawai-pegawai belia yang berkenaan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mahu mengkaji hal ini supaya belia-belie di luar bandar juga turut sama dengan lebih ramai dalam latihan tersebut.

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di Pertua, saya suka menyatakan di sini yang saya tidak bersetuju sama sekali dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu bahawa belia-belie yang dimasukkan berlatih di Pusat-pusat Latihan ini adalah kebanyakannya daripada belia di kawasan bandar. Jikalau sekiranya Ahli Yang Berhormat mahu angka-angka bilangan belia-belie yang dilatih, saya tidak ada di sini, saya boleh berikan dan di situ jelas boleh nampak bahawa belia-belie yang banyak dilatih sekarang berkursus di Pusat Latihan Belia, Pelupur dan Pembina Negara adalah belia-belie yang datang daripada kawasan luar bandar yang telah kita terima daripada cadangan-cadangan, syor-syor recommendation yang dibuat oleh pergerakan-pergerakan belia yang banyak di merata kawasan luar bandar.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi telah menggalakkan rakyat negeri ini bahawa kita akan menghantar jurulatih ke negeri Jepun dan India, tidakkah boleh Kerajaan menghantar jurulatih kita itu supaya belajar ke negeri-negeri lain seperti Jerman dan sebagainya?

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Ini juga di dalam kajian, tetapi buat masa ini kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang yang dapat kita perolehi agak lebih banyak dan lebih senang daripada negeri Jepun dan India, tetapi kalau ada peluang-peluang berlatih di negeri-negeri sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat iaitu negeri Jerman Barat umpamanya, maka kita sedia hendak menghantar jurulatih kita untuk berlatih ke negeri yang berkenaan.

PERUSAHAAN KAYU BALAK— PINJAMAN

6. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan samada benar bahawa seorang

ahli Perikatan dari Dewan Negara telah berjaya meminjam \$500,000 dari MARA untuk memulakan satu perusahaan kayu balak di Pahang dengan menggunakan dua orang penjamin—seorang Menteri dan seorang lagi Tuan Bank.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di Pertua, pinjaman itu adalah benar, tetapi perkara yang lain, yang di timbulkan itu adalah tidak menepati.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di Pertua, adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa MARA telah memberi pinjaman hampir suku juta ringgit bukan kepada orang yang saya sebutkan tadi, tetapi kepada orang lain. Oleh sebab tujuan MARA ialah untuk menolong bumiputra yang miskin mengapakah MARA memberi pinjaman yang begitu besar? Kalau sekiranya MARA memberi pinjaman yang kurang, maka lebih ramai bumiputra boleh mendapat pinjaman. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menyiasat perkara ini dan memberi pinjaman yang bukan begitu besar?

Tuan Yang di Pertua: Apakah soalan tambahannya?

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahannya, Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyiasat perkara ini dan menyuruh MARA memberi pinjaman yang kurang daripada \$½ juta supaya lebih ramai bumiputra boleh mendapat pinjaman?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat itu salah pengertian atas tujuan MARA untuk membantu bumiputra dalam lapangan perniagaan. MARA tidak sahaja membantu bumiputra dalam menjual kacang putih atau menjual rojak, menjual goreng pisang atau perniagaan kecilan sahaja, malahan MARA dan Kerajaan mempunyai dasar untuk memberikan kemudahan yang besar dan berharap di kalangan bumiputra akan dapat memberi satu kenyataan bahawa orang bumiputra juga sanggup bukan setakat menjual atau berniaga kecilan, tetapi juga yang besar-besarnya. Saya fikir MARA tidak ada had untuk memberi pinjaman ini kepada sesiapa sahaja yang layak untuk memberi pinjaman, dengan syarat mereka itu mengetahui betul bahawa wang itu digunakan

dengan betul dan mendapat keuntungan dan MARA akan dapat balik wang pinjaman itu dibayar semula.

Tuan Ng Hoe Hun: Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan memberi jaminan bahawa lain-lain orang, misalnya Wakil Rakyat boleh meminjam wang yang sama banyak atau lebih dari itu?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, Wakil Rakyat juga tidak dihalang untuk berniaga, mereka boleh meminta mengikut keadaan; MARA akan menimbangkan pinjaman ini apakah perniagaan yang dibuatnya. Kalau perniagaan itu difikirkan menjual ice-cream mungkin tidak akan diberikan \$100,000. Kalau perniagaan itu perniagaan yang lebih besar; untuk membuka sebuah kilang misalnya yang berharga \$1,000,000 dan pihak MARA berpuashati bahawa pinjaman itu benar-benar menasabah permintaan itu akan ditimbangkan, sungguhpun beliau seorang Wakil Rakyat.

PERHUBUNGAN TALIPON KE DAERAH-DAERAH

7. Pengiran Tahir bin Pengiran Patera (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa perhubungan talipon ke semua daerah di Sabah selalu tergendala disebabkan oleh kerosakan teknikal; jika ya, adakah beliau bercadang untuk memperbaiki perkhidmatan tersebut dan bila.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, ya, saya sedar dan keadaan ini akan diperbaiki apabila sistem microwave siap dilaksanakan pada pertengahan tahun 1973 nanti.

RANCANGAN KESELAMATAN SOSIAL

8. Dr Tan Chee Khoon (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa Rancangan Keselamatan Sosial yang dikemukakan oleh Kerajaan tidak memberi pampasan ke atas kehilangan pencarian bagi empat hari cuti yang pertama akibat cedera semasa menjalankan kerja, dan jika ya, samada beliau akan menimbang meminda seksyen yang berkenaan dalam Akta itu.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, cuti empat hari pertama yang di rujukkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah dikatakan sebagai "tempoh menanti". Perbekalan ini adalah selaras dengan amalan dan konvensyen Antarabangsa yang diikuti juga oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial di negeri-negeri lain. Ini adalah perlu bagi menentukan bahawa dorongan tidaklah diberikan kerana tidak bekerja atas sebab-sebab kecederaan yang kecil. Bagi Malaysia, kita telah mengikuti amalan yang ada sekarang di bawah Ordinan Pampasan Pekerja iaitu "tempoh menanti" selama 4 hari. Walau bagaimanapun, bayaran tunai (cash benefit) adalah dibayar mulai hari pertama kecederaan itu jika kecederaan itu memerlukan pekerja tidak dapat bekerja selama 14 hari atau lebih.

Dalam satu sekim seperti ini, Pertubuhan ini hendaklah adil dan saksama bukan sahaja terhadap pekerja-pekerja, tetapi juga hendaklah menentukan supaya Tabong wang Pertubuhan itu dikeluarkan dengan wajar dan bijaksana. Adalah juga perlu ditentukan supaya kecenderongan ke arah amalan buruk di kalangan pekerja-pekerja tertentu hendaklah dikurangkan kalau tidak dapat dihapuskan sama sekali. Jika seorang pekerja cedera hanya beberapa hari sahaja, adalah satu kenyataan yang mesti diterima bahawa tidaklah ada sebarang kesukaran yang akan timbul kepada pekerja-pekerja yang berkenaan jika bayaran tunai tidak diberikan. Sebaliknya, sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi, jika kecederaan itu sampai hingga 14 hari atau lebih, bayaran tunai adalah dibayar mulai dari hari pertama itu lagi. Oleh itu "tempoh menanti" itu, tidak seperti di negeri lain, tidak mutlak atau terbatas. Adalah disanjung bahawa perbekalan kita adalah agak "liberal". Walau bagaimanapun ini mungkin akan menjadi lebih "liberal" lagi setelah pengalaman diperolehi. Adalah perlu ditambahkan di sini bahawa perbekalan yang tertentu ini telah pun dipersetujui oleh Majlis Penasihat Buruh Bersama Kebangsaan. Walau bagaimanapun, samada kecederaan itu selama satu hari atau 14 hari, atau samada bayaran tunai dibayar atau tidak, rawatan perubatan yang rapi adalah diberikan secara percuma kepada semua kes.

Tuan V. Veerappen: Kalau seorang pekerja sudah menerima kecederaan dan mesti diperiksa oleh doktor dan kalau doktor

itu sudah berpuashati bahawa pekerja itu tidak boleh bekerja, adakah adil atau patut gajinya tidak dibayar selama 4 hari dan bolehkah Kerajaan menimbangkan balik atas perkara ini?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, saya telah menjawab soalan itu.

AMBULAN—KEKURANGAN KUMPULANWANG

9. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar ambulan-ambulan diselenggarakan dengan keadaan yang menyedihkan oleh kerana kekurangan kumpulanwang peruntukan oleh Kementeriannya.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua, saya sukacita memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa peruntukan yang cukup bagi penyelenggaraan kenderaan adalah diuntukkan kepada Jabatan Perubatan di tiap-tiap negeri.

Sebahagian besar bilangan ambulan itu adalah telah lama yang perlu untuk diperbaiki dan diganti baharu. Berapa tahun yang lepas Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah tegas bagi mengganti kenderaan-kenderaan ini. Lebih daripada 100 buah ambulan telah dipesan dalam tempoh masa 3 tahun yang lepas seperti berikut:

1970—48 buah.

1971—22 buah.

1972—35 buah (dijangka akan tiba bila masa sahaja).

Dengan sentiasa menambah dan mengganti kenderaan-kenderaan yang buruk, saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa mengadakan perkhidmatan ambulan yang cekap dan teratur adalah tujuan Kementerian saya. Ini hanya dapat dicapai dalam jangka masa beberapa tahun.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa di Hospital Besar Kuala Lumpur ambulan-ambulan di sana tidak mencukupi. Jika beliau sedar, bilakah Kementerian Kesihatan akan menambahkan bilangan ambulan di Hospital Besar tersebut?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, saya sedar. Sebagaimana yang saya telah katakan tadi pada tahun ini kita adalah

mengadakan 30 buah ambulan yang baharu akan tiba. Bila ambulan-ambulan yang baharu ini tiba, maka Hospital Besar Kuala Lumpur akan mendapat ambulan yang baharu.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pada 6hb Oktober tahun ini, sebuah ambulan baharu yang bernombor BY 9626 dari Hospital Daerah Tapah telah rosak di Jalan Kampar dalam perjalanan ke Ipoh untuk menghantar seorang pesakit dan ambulan tersebut terpaksa ditolak.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, ambulan-ambulan itu memang ada yang rosak, orang pun ada penyakit juga. Jadi bila ambulan itu rosak, maka tanggung-jawabnya kepada pegawai perubatan di sana untuk memberitahu kepada Ketua Pegawai Perubatan Kesihatan di negeri berkenaan. Dengan itu langkah akan diambil supaya memperbaiki ambulan itu dengan segera.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan tambahan. Perkara ini adalah terjadi sebab Kementerian tidak beri cukup fund tiap-tiap hospital daerah.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, itu tidak benar. Saya sudah jawab tadi peruntukan itu adalah mencukupi di Kementerian saya.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Apakah dasar Kerajaan membekalkan ambulan-ambulan bagi hospital besar dan hospital daerah? What is the basis of distribution?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, soalan ini adalah terpulang balik kepada Ketua Perubatan dan Kesihatan tiap-tiap negeri diberitahu kepada Kementerian saya. Dalam sebuah negeri itu berapakah bilangan kereta baharu akan ditambah. Jadi bila satu permintaan itu disampaikan kepada Kementerian saya, pegawai di Kementerian saya akan menimbangkan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Menteri Kesihatan membekalkan lebih ambulan-ambulan bagi Hospital Daerah Taiping?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, kita mahu membekalkan seberapa

yang boleh ambulan-ambulan kepada semua hospital yang ada, bukan di Taiping sahaja.

Puan Bibi Aishah binti Hamid Don: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Menteri Kesihatan bercadang hendak mengadakan alat-alat intensive care di dalam ambulan-ambulan yang baharu diorder?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, sungguhpun soalan itu soalan lain, akan tetapi saya juga suka memberitahu kepada Dewan ini intensive care di dalam ambulan itu bukanlah satu pekerjaan yang senang dan juga khasnya bukan alat-alat sahaja, akan tetapi kakitangan yang perlu dan mustahak dan untuk melatihkan kakitangan ini adalah mengambil masa yang lama. Saya suka memberitahu juga kepada Dewan ini intensive care ini boleh diadakan di dalam hospital-hospital besar sahaja, bukanlah tiap-tiap hospital itu dapat intensive care unit.

JUALAN UBAT-UBAT CINA

10. Tuan Chan Fu King minta Menteri Kesihatan menyatakan samada ia sedar atau tidak yang pekedai-pekedai ubat Cina telah mengalami kesusahan terhadap ubat-ubat yang tidak sah kerana pegawai-pegawai kesihatan yang berlainan mempunyai pendapat-pendapat yang berlainan mengenai sah atau tidak jualan ubat-ubat, misalnya, ada setengah pegawai yang akan menyatakan yang ubat ini adalah sah dan tidak beracun, sementara yang lain akan mengatakan yang ubat ini tidak sah dan akan didakwa di mahkamah; samada Kementerian Kesihatan akan mengumumkan senarai-senarai ubat yang tidak boleh dijual supaya pekedai-pekedai akan mempunyai panduan yang jelas.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, saya tidak sedar bahawa pekedai-pekedai ubat Cina telah mengalami kesusahan terhadap ubat-ubat yang tidak sah. Undang-undang bersabit dengan perjualan ubat-ubat adalah jelas dan tegas. Pemeriksaan-pemeriksaan sentiasa dibuat oleh ahli-ahli farmasi yang berkelayakan dari Kementerian saya untuk memeriksa simpanan dan jualan ubat-ubat yang tidak sah. Satu senarai ubat-ubat dan racun-racun yang di bawah kawalan undang-undang adalah disiarkan dari semasa kesemasa dalam Warta Kerajaan. Senarai yang terbaru sekali

diterbitkan pada bulan Disember 1970 di bawah Warta Kerajaan Nombor Pemberitahuan PU (A) 495. Pekedai-pekedai ubat boleh merujuk kepada pemberitahuan itu sebagai panduan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah benar selain daripada ubat-ubat yang dikatakan beracun itu ditegah dijual di dalam negeri ini di kedai-kedai Cina termasuk jenis bedak untuk kanak-kanak dilarang oleh Kementerian ini supaya jangan dijual bedak ini untuk kegunaan kanak-kanak kononnya beracun.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, apakah ubat-ubat yang boleh dijual atau tak boleh dijual itu adalah disiarkan dalam Warta Kerajaan. Jadi oleh kerana itulah pegawai-pegawai khas farmasi daripada Kementerian saya akan menyiasat atau memeriksa dari semasa kesemasa pekedai-pekedai yang berkenaan itu.

PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI

11. Tuan Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengimbangkan perbezaan dalam bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di luar negeri supaya pelajar-pelajar bumiputra tidak akan tertinggal jauh di belakang dari penuntut-penuntut bukan bumiputra.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di Pertua, Kerajaan tidak ada mempunyai angka-angka yang tepat mengenai bilangan pelajar-pelajar bumiputra dan bukan bumiputra yang belajar di luar negeri pada masa ini untuk menentukan samada terdapat perbezaan besar di antara kedua-dua golongan pelajar-pelajar itu. Ini ialah kerana sebilangan besar daripada mereka yang menuntut di luar negeri itu adalah pelajar-pelajar persendirian yang pergi dengan perbelanjaan mereka sendiri, kecuali pelajar-pelajar yang menuntut di United Kingdom dan di Indonesia, pemergian mereka itu adalah tanpa melalui Kementerian Pelajaran.

Mengenai pelajar-pelajar persendirian, sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu maklum, Kerajaan tidak menyekat mereka

daripada menuntut di luar negeri asalkan mereka mempunyai kelayakan yang disyaratkan dan kemampuan kewangan yang cukup.

Mengenai pelajar-pelajar yang dianjurkan oleh Kerajaan, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menjaga perimbangan ini.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Menteri yakin dengan dasar yang ada sekarang ini akan dapat mencapai matlamat hendak mengimbangkan kedudukan jurang perbezaan itu dan akan dapat memberi nafas baru kepada bakal-bakal pelajar bumiputra di masa hadapan ini?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, saya telah jawab tadi kita belum ada lagi dapat angka yang tetap untuk menentukan sejauh mana perbezaan yang terdapat, tetapi dari segi pelajar-pelajar yang dianjurkan oleh Kerajaan memang ini menjadi dasar, dan mengenai pelajar-pelajar persendirian yang pergi ke luar negeri ini barangkali yang kita maklum bahawa jumlah pelajar-pelajar bumiputra yang melanjutkan pelajaran ke luar negeri pada tiap-tiap tahun secara persendirian adalah bertambah.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran bercadang untuk mengadakan satu tinjauan atau penyiasatan tentang kenyataan-kenyataan yang menunjukkan bahawa pelajar-pelajar bumiputra di luar negeri terutama di Amerika, New Zealand, Australia dan lain-lain adalah terlampau kurang bilangannya jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar bukan bumiputra.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, itu soalan lain.

KAMPUNG BARU DIJADIKAN PEKAN

12. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Tugas-tugas Khas memandangkan yang beliau telah menyatakan di dalam ucapan beliau di Pahang pada 10-10-1972 bahawa kampung-kampung baru akan dijadikan pekan-pekan dan kawasan-kawasan perusahaan.

Menteri Tugas-tugas Khas (Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di Pertua, soalan ini

memberi pengertian bahawa semua kampung-kampung baru akan dijadikan pekan dan kawasan-kawasan perusahaan. Saya tidak membuat kenyataan yang bermaksud demikian. Saya cuma menyatakan bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri telah diminta mengkaji kemungkinan mana-mana kampung baru yang sesuai dimajukan menjadi pekan-pekan dengan membuka kawasan-kawasan perusahaan samada di kampung-kampung itu atau di kawasan-kawasan yang berhampiran.

Wajar diambil ingatan iaitu pembangunan mana-mana kampung termasuk kampung-kampung baru adalah bergantung kepada "resource" atau "potentialities" kampung-kampung berkenaan. Mungkin sebilangan kecil sahaja daripada kampung-kampung baru itu yang mempunyai "resources" atau "potentialities" untuk dimajukan dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan telah dipinta memberi timbangan untuk memajukannya.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Kerajaan mengambil berat tentang penubuhan perusahaan-perusahaan dan menempatkannya di kawasan-kawasan luar bandar; dan dengan tujuan menarik perusahaan-perusahaan keluar bandar termasuk kampung-kampung baru Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan memberi keistimewaan-keistimewaan (incentives) yang lebih baik dan menarik.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan samada daripada jawapannya itu ertinya ucapan beliau di Pahang hanya suatu harapan bahawa semua kampung-kampung baru akan diperbandarkan, dan bukan matlamat yang konkrit Kerajaan atau Kerajaan dan Menteri ada rancangan raksaksa untuk memperbandarkan semua kampung-kampung baru?

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di Pertua, itu harapan kita sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau harapan sahaja, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan, bilakah harapan itu akan diisi dengan ketentuan atau harapan itu akan diteruskan barangkali 10-20 tahun?

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan-kerajaan Negeri ada membuat dasar, umpamanya Negeri Perak ada 6

tempat yang sekarang diresabkan untuk dijadikan kawasan-kawasan perusahaan, demikian juga di Negeri Melaka dan negeri-negeri lain pun ada mempunyai dasar untuk menjalankan rancangan itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Dalam jawapan Menteri itu mengatakan dalam Rancangan Malaysia Kedua, maka Kerajaan Pusat akan memajukan kampung-kampung baru. Adakah beliau sedar di dalam estimate tahun hadapan cuma ada peruntukan \$10 juta sahaja untuk dibelanjakan melalui Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Bolehkah beliau menjelaskan peruntukan sebanyak \$10 juta itu mencukupi ataupun adakah beliau akan berhubung dengan rakannya Menteri Kewangan bagi mendapatkan wang lebih daripada \$10 juta untuk memajukan kampung-kampung baru itu?

Dr Lim Keng Yaik: Rancangan ini adalah rancangan permulaan sahaja dan kewangan yang diuntukkan itu bukanlah untuk membuka perusahaan bagi kemajuan kampung-kampung baru, tetapi memberi amenities dan facilities dalam Kampung Baru sahaja. Jadi ini adalah tambahan bagi rancangan-rancangan yang dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di Pertua, selain daripada harapan, oleh kerana penduduk-penduduk di kampung-kampung baru tidak boleh mengisi perutnya dengan harapan kosong sahaja, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan akhir tahun 1975 berapa buah kampung-kampung baru itu akan dimodenkan?

Dr Lim Keng Yaik: Ini saya tidak boleh beri jumlahnya sekarang, Tuan Yang di Pertua. Tetapi, adalah dicadangkan bahawa sesebuah kampung baru yang ada potentialities dan resources, kita boleh majukan dengan mendirikan kawasan-kawasan perusahaan dan pembinaan pekan. Itu sahaja.

MAJLIS GAJI BAGI PEKERJA-PEKERJA—HAPUSKAN

13. **Dr Tan Chee Khoon** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Buruh dan Tenaga

Rakyat menyatakan samada beliau akan menghapuskan Majlis Gaji bagi pekerja-pekerja pelabuhan Pulau Pinang dan menggalakkan sebaliknya rundingan terus antara Majikan dan Kesatuan Sekerja Pelabuhan Pulau Pinang kerana gaji yang disyorkan oleh Majlis ini adalah sangat rendah berbanding dengan taraf hidup di negeri ini.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, saya rasa masanya belum lagi tiba bagi mengeneipkan Majlis Penetapan Gaji bagi pekerja-pekerja Pelabuhan dan Pulau Pinang kerana perwakilan mereka masih belum mencukupi untuk merundingkan serta menentukan dengan majikan-majikan mereka mengenai gaji dan syarat-syarat kerja pekerja-pekerja pelabuhan.

Perintah Peraturan Gaji yang terakhir yang melibatkan mereka berkuatkuasa hanya bermula pada 1hb Jun, 1972 dan bayaran minima bulanan yang dijamin adalah antara \$100 bagi Pengendali Muatan hingga \$160 bagi Serang, tidaklah boleh dianggap terlalu rendah berbanding dengan taraf hidup di negeri ini.

Hitung panjang gaji yang dapat dibawa balik ke rumah ialah \$162.67 bagi Pemungkah Kapal dan \$130.52 bagi Pengendali Muatan.

Dr Tan Chee Khoon: Tadi Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan gaji yang rendah kepada pekerja-pekerja di Pelabuhan Pulau Pinang ialah \$100 sebulan. Adakah beliau sedar bahawa \$100 sebulan jika pekerja-pekerja itu mempunyai anak 4 orang umpamanya; dua orang anak itu pergi ke sekolah rendah dan dua orang lagi ke sekolah menengah, bagaimanakah mereka boleh hidup dan menjaga kehidupan isteri dan anak-anaknya dengan gaji sebanyak \$100 sebulan itu?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, pendapatan \$100 sebulan itu jika berbanding dengan doktor-doktor tentulah terlampau rendah. Tetapi jika berbanding dengan lain-lain pekerja, gaji itu bukan bermakna tinggi, tetapi pada masa dan keadaan yang ada sekarang adalah menasabah.

KERANI TALLY DAN JAGA

14. **Dr Tan Chee Khoon** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau akan

menimbang membuat undang-undang untuk menyelamatkan jawatan kerani "tally" dan jaga-jaga di Pelabuhan Pulau Pinang kerana jawatan mereka sekarang ini tidak terjamin.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, pekerjaan bagi kerani perhitungan dan jaga-jaga di Pelabuhan Pulau Pinang adalah dianggap terjamin pada masa sekarang. Tambahan pula satu Perjanjian Bersama di antara Kesatuan Pekerja-pekerja Pulau Pinang dan Persatuan Pembekal-pembekal Kerani-kerani perhitungan telah bersama-sama ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada 7hb Ogos, 1972. Perjanjian Bersama ini telah didepositkan di Mahkamah Perusahaan pada 18hb Ogos, 1972 yang telahpun mengambil perhatian atas Perjanjian Bersama pada 19hb Disember, 1972. Walau bagaimanapun, sekiranya keperluan berbangkit pada masa hadapan, Kementerian ini akan menimbangkan meluaskan rancangan Lembaga Perburuhan Pelabuhan untuk meliputi pekerja-pekerja dalam kumpulan ini.

IJAZAH-IJAZAH KOLEJ/ UNIVERSITI—PENGIKTIRAFAN

15. **Tuan Chan Fu King** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran memberi suatu senarai yang lengkap mengenai ijazah-ijazah kolej/universiti luar negeri yang diiktiraf dan diterima di negara ini dan samada senarai seperti ini telah disusun dan diedarkan ke sekolah-sekolah dan persatuan-persatuan ibubapa-guru untuk penerangan am.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, sepertimana yang telah saya nyatakan di dalam Dewan ini pada 13hb Disember yang lepas, Kerajaan akan mencetak senarai yang mengandungi ijazah-ijazah dan kelayakan-kelayakan yang dikeluarkan oleh universiti-universiti atau pusat-pusat pengajian tinggi di luar negeri yang telah diiktiraf oleh Kerajaan untuk makluman dan kegunaan orang ramai.

PENUNTUT-PENUNTUT KE SEBERANG LAUT—DASAR KERAJAAN

16. **Tuan Chan Fu King** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada seseorang penuntut yang bercadang

hendak menuntut ke luar negeri mesti dianjurkan oleh Kementerian beliau dan samada arahan-arahan telah diberi kepada Kedutaan-kedutaan atau Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Asing di Malaysia anjuran Kementerian adalah wajib sebelum suatu visa dapat diberi kepada pelajar yang berkenaan.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa semua penuntut-penuntut yang ingin pergi belajar ke seberang laut mestilah terlebih dahulu mendapat tajaan daripada Kementerian Pelajaran.

Pada masa ini Kementerian Pelajaran telahpun ada peraturan-peraturan yang tertentu yang mesti dipatuhi oleh semua penuntut-penuntut yang ingin belajar ke United Kingdom dan Indonesia. Peraturan-peraturan bagi penuntut-penuntut yang ingin belajar ke tempat-tempat lain di seberang laut selain daripada United Kingdom dan Indonesia sedang ditimbang.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat semada arahan telah diberikan kepada Kedutaan-Kedutaan asing itu, kuasa mengeluarkan visa adalah hak Kedutaan-Kedutaan masing-masing dan Kerajaan Malaysia tidak dapat mengarah mereka berbuat demikian. Kerajaan Malaysia hanya dapat meminta kerjasama mereka dan walaupun demikian, Suruhanjaya Tinggi British dan Kedutaan Indonesia memang mengetahui akan keperluan mengenai surat tajaan itu.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, peraturan yang sedang diamalkan sekarang apabila seseorang penuntut ingin pergi belajar ke seberang laut adalah seperti berikut:

(a) United Kingdom dan Indonesia

Semua permohonan untuk pergi belajar ke United Kingdom atau Indonesia mesti mempunyai sijil sokongan daripada Kementerian Pelajaran. Ini bermakna bahawa Suruhanjaya Tinggi British dan Kedutaan Indonesia di sini akan hanya melayan permohonan untuk mendapat visa selepas menerima sijil sokongan daripada Kementerian Pelajaran. Dengan yang demikian, semua penuntut-penuntut yang ingin pergi belajar ke United Kingdom atau Indonesia mestilah terlebih dahulu mendapat surat sokongan daripada

Kementerian Pelajaran. Ini dapat dibuat dengan cara menulis kepada Kementerian Pelajaran untuk mendapat borang-borang yang berkenaan serta memberi maklumat-maklumat yang perlu bersangkutan dengan kelulusan serta lapangan dan peringkat pengkajian yang penuntut itu ingin ikuti di United Kingdom atau Indonesia.

(b) Australia

Semua penuntut yang ingin pergi belajar ke Australia tidak perlu memohon menerusi Kementerian Pelajaran untuk mendapat tajaan. Ia bolehlah memohon terus kepada Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur untuk mendapat nasihat dan borang-borang permohonan yang perlu. Suruhanjaya Tinggi Australia disini ada mempunyai jenteranya sendiri untuk memproses permohonan-permohonan dan mereka akan memberitahu Kementerian Pelajaran apabila borang-borang permohonan itu telah siap diproses.

(c) Negara-negara Lain

Semua penuntut yang ingin pergi belajar ke negara-negara asing lain selain daripada United Kingdom, Indonesia atau Australia, kenalah memohon terus kepada Suruhanjaya Tinggi ataupun Kedutaan yang berkenaan untuk mendapat tempat dan borang-borang permohonan yang perlu. Suruhanjaya Tinggi atau Kedutaan-kedutaan asing itu nanti akan menguruskan semua perkara mengenai tempat dan akan berhubung terus dengan penuntut-penuntut yang berkenaan dengan tidak payah disalurkan melalui Kementerian Pelajaran.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran sedar, permohonan-permohonan dari penuntut-penuntut untuk melanjutkan pelajarannya, seumpama di United Kingdom, kebanyakannya mengambil masa yang panjang untuk diproseskan oleh Kementerian Pelajaran. Jika beliau sedar, apakah tindakan Kementerianannya akan ambil untuk mengurangkan masa itu?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, kalau tidak salah saya, perkara ini telahpun dijawab pada minggu yang lalu.

Tuan Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi pertanyaan 17 hingga 23 adalah diberi di bawah ini).

DROP-OUT—LAPURAN JAWATANKUASA

17. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah beliau boleh mengumumkan lapuran jawatankuasa penyiasatan terhadap masalah drop-out di sekolah-sekolah di Negara kita, dan juga menyatakan jika beliau akan umumkan dahulu satu lapuran sementara.

Menteri Pelajaran (Datuk Hussien bin Datuk Onn): Perkara ini telahpun saya jawab pada 8hb dan 12hb Disember yang lepas, ketika menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kimanis dan Bandar Melaka.

Kementerian saya tidak bercadang mengeluarkan satu lapuran sementara oleh sebab peringkat pertama lapuran sepenuhnya akan dikeluarkan di akhir tahun ini atau awal tahun hadapan.

BIRO BIMBINGAN BELIA— MENUBUHKAN

18. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah cara-cara bantuan yang lain lagi belia-belie selain daripada pemberian:

- (a) modal; dan
- (b) latihan (latihan sambil bekerja).

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menubuhkan Biro Bimbingan Belia bagi membantu dan membimbing belia-belie untuk mendapat pekerjaan dan juga bekerja sendiri. Biro Bimbingan Belia ini bertugas bagi mendapat dan menyalurkan apa-apa kemudahan bukan sahaja modal dan latihan untuk belia-belie bekerja sendiri.

LAPANGAN TERBANG SEMPORNA— MEMBESARKAN

19. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kementerian beliau akan me-

nimbang membesarkan Lapangan Terbang Semporna yang ada sekarang dan memanjangkan landasannya bagi membolehkan kapal-terbang-kapalterbang jenis Fokker Friendship mendarat.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Keadaan lalulintas di Lapangan Terbang Semporna sentiasa diperhatikan dan pembangunan selanjutnya akan dipertimbangkan bergantung kepada perkembangan lalulintas.

Kerajaan belum ada rancangan membesarkan Lapangan Terbang Semporna oleh kerana keutamaan diberi bagi memperbesar-kan dan melengkapkan Lapangan-lapangan terbang yang telah membuktikan perkembangan lalulintas yang pesat. Kedudukan Lapangan Terbang Semporna akan diperhatikan dan sekiranya perlu Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

PEKERJA-PEKERJA KE SWITZERLAND

20. Dr A. Soorian minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilakah Malaysia akan menghantarkan pekerja-pekerjanya ke Pusat Pelancungan dan hotel-hotel di Switzerland oleh kerana Switzerland kekurangan tenaga buruh.

Tan Sri V. Manickavasagam: Kita tidak dapat menghantar pekerja-pekerja ke Switzerland untuk memenuhi kekurangan tenaga buruh di Pusat Pelancungan dan Perusahaan Hotel di sana, kecuali jika satu permintaan khas untuk mendapatkan pekerja-pekerja tersebut dibuat dengan berdasarkan dari Kerajaan untuk Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menghantar pemuda-pemuda kita ke Switzerland bagi mengambil kursus "Hotel" dan "Catering" yang akan memberi faedah kepada pemuda-pemuda yang memilih pengurusan "Hotel" dan "Catering" sebagai satu pekerjaan.

SENJATAPI—MENGGUNAKAN

21. Dr A. Soorian minta Menteri Pertahanan menyatakan bilakah Perkhidmatan Negara akan dimulakan di negeri ini sama seperti yang dijalankan di Switzerland, di mana tiap-tiap rakyat tidak kira bekerja atau tidak mesti mendapat latihan dalam menggunakan senjapati.

Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak): Kerajaan adalah sedang giat mengkaji latihan tentera dan akan membuat satu keputusan yang sesuai sesudah kajian itu selesai.

QANTAS—KEMUDAHAN LATIHAN

22. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan minta Menteri Perhubungan menyatakannya:

- (a) sebab-sebabnya kenapa dalam begitu banyak firma-firma penerbangan, QANTAS telah dipilih untuk membantu perlaksanaan MAS; dan
- (b) adakah beliau sedar iaitu pegawai-pegawai penerbangan MAS tidak diberi tugas yang bertanggungjawab dan samada ini akan mengecewakan pegawai-pegawai yang ada kebolehan dan kelayakan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

- (a) Syarikat Qantas ialah sebuah Syarikat Penerbangan yang terkenal dan yang besar di dalam rantau ini. Syarikat ini ada mempunyai kemudahan-kemudahan latihan, kelengkapan-kelengkapan kejuruteraan yang moden dan teratur dan pegawai-pegawai pakar dalam beberapa bidang perniagaan. Juga ada beberapa pegawai di dalam Syarikat Qantas yang pernah berkhidmat dengan Syarikat M.S.A. dahulu dan tahu tentang hal ehwal urusan penerbangan di rantau ini. Dengan yang demikian MAS telah menimbang hal-hal yang tersebut dan membuat kajian dan kepentingan pada syarikat-syarikat penerbangan yang lain telah memilih syarikat Qantas untuk memberi pertolongan teknik ke arah melancarkan perkhidmatan-perkhidmatan penerbangannya.
- (b) Setakat mana Kementerian ini dapat tahu semua pegawai-pegawai penerbangan yang berkhidmat dengan syarikat MAS telah diberi tugas-tugas dan tanggungjawab masing-masing mengikut kelulusan kecakapan, kebolehan dan pengalaman-pengalaman masing-masing. Perkara ini adalah perkara pengurusan syarikat dan saya yakin bahawa segala-segalanya diatur mengikut peraturan-peraturan yang tertentu yang dipakai oleh syarikat.

KILANG MEMPROSES LADA— MENDIRIKAN

23. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada Kerajaan akan mendirikan sebuah kilang memproses lada hitam di Sarawak sebelum tempoh Rancangan Malaysia Yang Kedua tamat.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Ya. Rancangan Malaysia Yang Kedua mempunyai bekalan bagi dua Pusat Memproses/Mengawal mutu lada hitam. Jemaah Pemasaran Lada Hitam sedang melaksanakan satu pusat tersebut di Kuching dan satu lagi di Sarikei, Sarawak. Tawaran untuk membersihkan dan menimbun tanah untuk tapak kedua-dua Pusat itu telah diterima dan adalah di dalam timbangan oleh Jawatankuasa Tawaran. Pembinaan kilang dan pemasangan jenteranya akan dilaksanakan setelah siap tanah tapak itu. Ini pun akan dibuat dengan cara tawaran (tender) juga. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat satu Pusat yang serupa itu juga akan dibina di Johor. Pengambilan tanah untuk tapak baginya sedang dijalankan. Kerajaan tiada rancangan bagi mengilang lada hitam untuk dijadikan serbuk. Pihak swasta digalakkan untuk membuat usaha yang demikian dengan cara persendirian ataupun dengan cara permodalan bersama dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ataupun Jemaah Pemasaran Lada Hitam.

PENGUMUMAN YANG DI PERTUA

Penolong bagi Timbalan Yang di Pertua

Tuan Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu bahawa di dalam sedikit masa lagi, saya tidak ada di dalam negara ini dan dengan itu timbul pula soal penolong bagi Timbalan Yang di Pertua. Dan dengan persetujuan Perdana Menteri, penolongnya ialah Ahli Yang Berhormat dari Muar Selatan, telah dipersetujui. (*Tepuk*). Itulah sahaja yang saya hendak beritahu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

DAN

Usul

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1973

JAWATANKUASA

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

JADUAL

*Kepala-kepala B. 1 hingga B. 11 dan B. 13,
P. 7 dan P. 9—*

Tuan Pengerusi: Saya jemput Menteri yang berkenaan menyatakan Kepala-kepala yang hendak diambilnya.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithauden Al-Haj): Tuan Pengerusi, saya suka mengemukakan Kepala-kepala B. 1 sampai B. 11 dan juga B. 13 bersama-sama dengan Kepala-kepala P. 7 dan P. 9 dalam masa ini dibahagikan kepada Jabatan Perdana Menteri. Sungguhpun Kepala B. 12 tidak di bawah Jabatan Perdana Menteri, selepas Kepala B. 11 saya minta, dengan izin, disambung kepada Kepala B. 13 sekali.

Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1973 di bawah Kepala B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11 dan B. 13 diluluskan jadi sebahagian daripada Jadual.

Anggaran-anggaran di bawah Kepala-kepala yang disebutkan tadi adalah seperti berikut:

Kepala B. 9—	\$ 7,756,791	...	untuk Jabatan Kehakiman
Kepala B. 10—	10,444,088	...	untuk Perangkaan
Kepala B. 11—	252,549	...	untuk Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah
Kepala B. 13—	854,300	...	untuk Kementerian Hal Ehwal Sarawak.

KEPALA B. 1—PARLIMEN

1. Untuk Parlimen peruntukan sebanyak \$4,891,100 adalah dipohonkan berbanding dengan \$4,454,673 bagi tahun 1972. Perbezaan sebanyak \$436,427 itu di antara lain-nya adalah disebabkan:

(i) Tambahan sebanyak \$240,800 untuk membayar elauan hidup yang telah dinaikkan daripada \$35 sehari kepada \$50 sehari untuk Ahli-ahli Parlimen kerana menghadiri mesyuarat-mesyuarat Parlimen.

Tuan Pengerusi, saya nampak tidak ada halangan dalam Dewan ini daripada Ahli-ahli yang tidak akan menyokong dari permohonan saya tadi.

(ii) Tambahan sebanyak \$29,000 untuk membayar kemudahan perhubungan, \$30,000 kerana bertambahnya bayaran-bayaran kuasa letrik dan pembelian alat-alat letrik dan \$6,816 kerana pengeluaran lapuran-lapuran dan penyata-penyata rasmi.

(iii) Tambahan sebanyak \$55,700 di bawah Pembelian Harta Modal kerana membeli 2 buah kereta rasmi untuk Yang di Pertua Dewan Negara dan Yang di Pertua Dewan Rakyat dan pembelian perabot dan kelengkapan pejabat.

1.1 Anggaran di bawah Pemberian dan Bayaran Tetap telah dikurangkan sebanyak \$6,565 oleh kerana Malaysia telah menarik diri daripada menjadi ahli Persatuan Ahli-ahli Parlimen Asia.

KEPALA B. 2—MAJLIS RAJA-RAJA

2. Peruntukan yang diminta bagi tahun 1973 ialah sebanyak \$146,233 iaitu:

\$62,408	...	untuk Gaji, dan
\$83,825	...	untuk Lain-lain Perbelanjaan

2.1 Peruntukan sebanyak \$62,408 untuk Gaji bagi tahun 1973 bertambah sebanyak \$5,667. Ini disebabkan pertukaran kakitangan dan kenaikan gaji tahunan.

2.2 Jumlah peruntukan di bawah Lain-lain Perbelanjaan adalah bertambah sebanyak \$8,225 kerana bertambahnya belanja perjalanan dan pengangkutan, talipon, keperluan air dan letrik.

KEPALA B. 3—JURU ODIT NEGARA

3. Bagi tahun 1972, Jabatan Odit Negara memerlukan peruntukan berjumlah \$4,838,100 untuk menguruskan tiga aktiviti seperti berikut:

- (i) Pentadbiran Am \$ 667,100
- (ii) Mengodit Kira-kira Kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Negeri 3,264,000
- (iii) Mengodit Kira-kira Badan-badan Berkanun dan Tempatan dan berbagai-bagai Kumpulan Wang ... 907,000

3.1 Jumlah anggaran sebanyak \$4,838,100 itu adalah terbahagi seperti berikut:

- \$4,410,000 ... untuk Gaji
- \$ 398,800 ... untuk Perkhidmatan dan Bekalan
- \$ 25,000 ... untuk Pembelian Harta Modal, dan
- \$ 4,300 ... untuk Pemberian dan Bayaran Tetap.

3.2 Peruntukan bagi Gaji merupakan tambahan sebanyak \$773,000. Ini disebabkan perlaksanaan Sekim Gaji Suffian di Negeri-negeri Malaysia Timur, kenaikan gaji tahunan dan ujudnya 15 jawatan baru dalam tahun 1973. Peruntukan di bawah tajuk Perkhidmatan dan Bekalan bertambah sebanyak \$51,000 disebabkan bertambahnya pemeriksaan-pemeriksaan odit akibat dari perkembangan aktiviti-aktiviti kewangan Kerajaan dan tambahan belanja pentadbiran. Peruntukan bagi Pembelian Harta Modal bertambah sebanyak \$9,000 kerana pembelian sebuah kereta untuk Jabatan. Peruntukan sebanyak \$4,300 di bawah Pemberian dan Bayaran Tetap ialah untuk membayar carum tahunan kepada "international Supreme Audit Institutions".

KEPALA B. 4—SURUHANJAYA PILIHANRAYA

4. Jumlah peruntukan yang diminta untuk Suruhanjaya Pilihanraya bagi tahun 1973 ialah sebanyak \$1,897,750 iaitu bertambah sebanyak \$1,024,070.

4.1 Anggaran perbelanjaan Gaji bagi tahun 1973 bertambah sebanyak \$32,751. Tambahan ini adalah disebabkan kenaikan gaji tahunan, pengambilan 12 jawatan kerani dan juga kerana perlaksanaan Lapuran Gaji Suffian untuk kakitangan Pejabat Pilihanraya di Sarawak dan Sabah.

4.2 Peruntukan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan ialah \$1,071,360 atau lebih sebanyak \$935,385 daripada perbelanjaan yang diberi bagi tahun 1972. Ini disebabkan anggaran bagi tahun 1973 mengandungi peruntukan-peruntukan bagi semua kegiatan-kegiatan Suruhanjaya ini pada hal peruntukan bagi aktiviti-aktiviti penyemakan daftar pemilih dan perjalanan pilihanraya tidak dimasukkan dalam anggaran tahun lalu. Di samping itu, Pejabat Pilihanraya Negeri Selangor telah berpindah ke bangunan swasta dan ini memerlukan bayaran sewa sebanyak \$36,000 setahun.

4.3 Peruntukan Pembelian Harta Modal bagi tahun 1973 berjumlah \$67,600 iaitu bertambah sebanyak \$55,934. Tambahan ini dimaksudkan bagi membina sebuah setor dan membaiki bangunan Ibu Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya.

KEPALA B. 5—SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

5. Peruntukan yang diperlukan untuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi tahun 1973 ialah \$1,357,539. Anggaran ini bertambah sebanyak \$103,571 berbanding dengan tahun 1972.

5.1 Daripada jumlah peruntukan ini, sebanyak:

- \$1,017,837 ... untuk Gaji
- \$ 336,572 ... untuk Perkhidmatan dan Bekalan, dan
- \$ 3,130 ... untuk Pembelian Harta Modal.

5.2 Anggaran perbelanjaan bagi Gaji bertambah sebanyak \$85,352 akibat dari kenaikan gaji tahunan dan pengujudan beberapa jawatan baru. Kakitangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam didapati perlu ditambah kerana urusan-urusan berkaitan dengan Perkhidmatan Pelajaran berikutan dengan perlaksanaan Lapuran Suruhanjaya Aziz.

5.3 Di bawah tajuk Perkhidmatan dan Bekalan, peruntukan yang dipohon bertambah sebanyak \$17,933 kerana kenaikan perbelanjaan pencetakan serta bekalan-bekalan dan bahan-bahan. Peruntukan yang diminta di bawah Pembelian Harta Modal adalah untuk membeli perkakas-perkakas pejabat untuk kegunaan kakitangan-kakitangan baru.

KEPALA B. 6—SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KERETAPI

6. Peruntukan yang dikehendaki untuk Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi ialah sebanyak \$97,500. Ini adalah berkurangan sebanyak \$7,225 jika dibandingkan dengan tahun 1972.

6.1 Jumlah peruntukan ini adalah terbahagi seperti berikut:

\$84,100	...	untuk Gaji
\$12,600	...	untuk Perkhidmatan dan Bekalan
\$ 800	...	untuk Pembelian Harta Modal.

6.2 Peruntukan bagi membayar gaji kakitangan Suruhanjaya bertambah sebanyak \$11,125 disebabkan kenaikan gaji tahunan dan pertukaran pegawai-pegawai. Akan tetapi peruntukan bagi Perkhidmatan dan Bekalan berkurangan sebanyak \$18,250 kerana peruntukan bagi membayar sewa pejabat Suruhanjaya tidak diperlukan lagi berikutan dengan pemindahan pejabat ini ke Bangunan Kerajaan di Jalan Gurney, Kuala Lumpur.

KEPALA B. 7—PERDANA MENTERI

7. Anggaran perbelanjaan bagi Jabatan Perdana Menteri untuk tahun 1973 berjumlah \$17,473,576. Bagi tahun 1972 perbelanjaan yang telah diluluskan ialah \$13,659,600 setelah ditolak peruntukan sebanyak \$2,808,000 bagi Jabatan Perpaduan Negara dan Pejabat Muhibbah Negara yang telah dipindahkan ke Kementerian Perpaduan Negara. Berbanding dengan peruntukan bagi tahun lalu, anggaran perbelanjaan bagi tahun 1973 adalah bertambah sebanyak \$3,813,976.

7.1 Anggaran di bawah Kepala B. 7—Perdana Menteri—adalah untuk Bahagian—Bahagian seperti berikut:

	\$
(i) Pentadbiran Am	4,800,990
(ii) Bahagian Perancang Ekonomi ...	2,000,000
(iii) Bahagian Penyelarasan, Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran ...	2,061,500
(iv) Majlis Keselamatan Negara ...	300,000
(v) Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam	519,400
(vi) Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia	616,700

(vii) Bahagian Peperangan Saraf ...	139,171
(viii) Pejabat Perumahan Kerajaan ...	400,000
(ix) Bahagian Perancang Am	454,000
(x) Lembaga Urusan dan Tabung Haji	1,489,114
(xi) Lembaga Perancang Keluarga Negara	2,692,701
(xii) Lembaga Padi dan Beras Negara ...	2,000,000

7.2 Daripada jumlah peruntukan tersebut di atas, sebanyak:

\$7,317,708	...	untuk Gaji;
\$2,658,225	...	untuk Perkhidmatan dan Bekalan;
\$ 245,108	...	untuk Pembelian Harta Modal;
\$7,028,935	...	untuk Pemberian dan Bayaran Tetap; dan
\$ 223,600	...	untuk Lain-lain Perbelanjaan.

7.3 Peruntukan bagi Gaji adalah bertambah sebanyak \$1,162,298. Ini disebabkan kenaikan gaji tahunan, ujudnya jawatan-jawatan baru dan masuknya peruntukan bagi Bahagian Tugas-tugas Khas yang belum diuntukan apa-apa peruntukan dalam anggaran perbelanjaan bagi tahun 1972.

7.4 Jumlah anggaran bagi Perkhidmatan dan Bekalan bertambah sebanyak \$333,469 di sebabkan kenaikan perbelanjaan perjalanan dan pengangkutan, kemudahan perhubungan, keperluan air dan letrik, sewa ruangan pejabat, kenaikan belanja perkhidmatan pentadbiran akibat daripada tambahan bilangan kakitangan-kakitangan dan perkembangan aktiviti-aktiviti di bawah Jabatan Perdana Menteri.

7.5 Peruntukan bagi Pembelian Harta Modal telah berkurangan sebanyak \$72,161 jika dibanding dengan tahun 1972.

7.6 Peruntukan wang yang diperlukan di bawah Pecahan-kepala "Pemberian dan Bayaran Tetap" melebihi peruntukan bagi tahun 1972 sebanyak \$2,138,520. Ini di sebabkan, pemberian bantuan kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Lembaga Perancang Keluarga Negara dan Lembaga Padi dan Beras Negara dikehendaki ditambah dalam tahun 1972. Juga kadar bayaran tetap kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkaitan dengan rancangan bantuan teknik telah berubah ke atas.

7.7 Peruntukan yang dipohonkan di bawah Pecahan-kepala "Pelbagai" bertambah sebanyak \$217,000. Tambahan ini ialah untuk Pertandingan Membaca Al-Quran tahunan dan untuk Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia menjalankan beberapa kajian-kajian dan seminar-seminar.

KEPALA B. 8—JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

8. Anggaran perbelanjaan yang dikehendaki bagi tahun 1973 adalah berjumlah \$32,111,293 iaitu bertambah pada keseluruhannya sebanyak \$11,353,755 daripada yang diluluskan bagi tahun 1972.

8.1 Untuk pembayaran Gaji dan Elaun terdapat tambahan sebanyak \$222,827 di sebabkan terutamanya kerana 2 jawatan PTD Tingkatan Tertinggi "C" dan 2 jawatan PTD Tingkatan Tertinggi "E" telah diwujudkan, beberapa lagi jawatan-jawatan yang lain akan diwujudkan dalam tahun 1973 berikutan dengan penyusunan semula Bahagian-bahagian dalam Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga untuk kenaikan gaji tahunan.

8.2 Tambahan yang terbesar iaitu sebanyak \$11,535,315 adalah untuk Perkhidmatan dan Bekalan. Ini adalah oleh sebab Bahagian Latihan Kemajuan Kerjaya hendak mengadakan lebih banyak biasiswa untuk membolehkan lebih ramai penuntut-penuntut yang kurang berkemampuan mendapatkan pelajaran tinggi. Adalah dicadangkan supaya lebih banyak biasiswa diberi kepada pelajar-pelajar yang akan belajar di Maktab Pertanian, Maktab Teknik dan Politeknik Ungku Omar supaya dapat memperbanyakkan orang yang berkecukupan untuk memegang jawatan separa iktisas di Jabatan-jabatan Kerajaan. Satu lagi perkembangan yang akan dititikberatkan ialah latihan dalam bidang separa-perubatan memandangkan kekurangan kakitangan "paramedical" yang sedang dihadapi. Peruntukan bagi bayaran sewa, kuasa elektrik dan talipon juga bertambah kerana Bahagian-bahagian Jabatan Perkhidmatan Awam yang dahulunya terletak di berbagai tempat di bangunan-bangunan Kerajaan dan swasta dalam bandaraya Kuala Lumpur telah berpindah dan menyewa 6 tingkat di Bangunan U.M.B.C.

8.3 Peruntukan di bawah tajuk Pembelian Harta Modal berkurangan sebanyak \$404,387 bila dibanding dengan jumlah bagi tahun 1972 kerana pembelian kelengkapan dan perabut-pejabat dalam tahun 1973 akan dikurangkan.

KEPALA B. 9—JABATAN KEHAKIMAN

9. Anggaran sebanyak \$7,756,791 adalah dipohonkan untuk Jabatan Kehakiman. Peruntukan yang diminta ini adalah meliputi tambahan keseluruhannya sebanyak \$533,559.

9.1 Tambahan utama ialah dalam peruntukan di bawah Gaji yang berjumlah \$6,412,891 atau \$336,779 lebih daripada yang diuntukkan bagi tahun lalu. Ini adalah disebabkan pelaksanaan Sekim Gaji Suffian bagi pegawai-pegawai Jabatan Kehakiman di Malaysia Timur, bayaran kenaikan gaji tahunan dan pengambilan 65 jawatan tambahan di Malaysia Barat dan Malaysia Timur termasuklah jawatan-jawatan Mejis-teret, Jurubahasa, Pegawai Kerani, Belif dan lain-lain.

9.2 Peruntukan di bawah Pecahan-kepala 2300—Kemudahan Perhubungan—memerlukan tambahan sebanyak \$20,980 untuk pemasangan talipon terus kepada bangunan-bangunan Mahkamah baru dan Kamar-kamar Mejis-teret.

9.3 Satu lagi Pecahan-kepala yang menunjukkan tambahan yang agak banyak ialah Pecahan-kepala 3100—Perabut, Alat-alatan dan Ternakan. Peruntukan di bawah tajuk ini melebihi jumlah bagi tahun 1972 sebanyak \$99,950 yang diperlukan untuk membeli buku-buku undang-undang bagi melengkapi perpustakaan-perpustakaan Mahkamah.

KEPALA B. 10—PERANGKAN

10. Jabatan Perangkaan memerlukan peruntukan berjumlah \$10,444,088 bagi tahun 1973 ialah berlebihan sebanyak \$1,560,699 daripada jumlah bagi tahun 1972.

10.1 Anggaran bagi gaji berjumlah \$4,962,293 berbanding dengan \$4,433,955 bagi tahun lalu dan tambahan sebanyak \$528,338 ini adalah disebabkan kenaikan gaji berikutan dengan penerimaan Tangga Gaji Suffian oleh kakitangan cawangan Jabatan Perangkaan di Sabah dan Sarawak, kenaikan gaji tahunan serta penambahan 89 jawatan baru di Bahagian-bahagian Penyiasatan, Perusahaan dan Komputer.

10.2 Peruntukan yang dipohonkan di bawah tajuk Perkhidmatan dan Bekalan bertambah sebanyak \$1,273,135 daripada yang diluluskan bagi tahun 1972. Sebahagian besar daripada tambahan ini adalah dikehendaki untuk menjalankan beberapa penyiataan yang penting dalam tahun 1973 seperti Penyiataan Belanjawan Isi Rumah, Penyiataan Tenaga Buruh, Penyiataan Pertanian, Penyiataan Perindustrian dan lain-lain.

10.3 Anggaran bagi Pembelian Harta Modal dalam tahun 1973 telah dikurangkan sebanyak \$140,774 kerana Bahagian Pengira Letronik telah membeli semua alat-alatnya pada tahun 1972.

KEPALA B. 11—PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SABAH

11. Peruntukan yang dipohonkan bagi Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah berjumlah \$252,549 iaitu berlebihan sebanyak \$15,959 daripada jumlah bagi tahun 1972.

11.1 Sunggohpun jumlah tambahan pada keseluruhannya ialah \$15,959 tetapi peruntukan bagi pembayaran gaji dan Elaun adalah bertambah sebanyak \$26,816. Ini disebabkan tambahan 6 jawatan baru dalam kumpulan kakitangan rendah dan juga kenaikan gaji tahunan. Sebaliknya anggaran bagi Perkhidmatan dan Bekalan adalah berkurangan sebanyak \$11,857 dari peruntukan tahun 1972 kerana peruntukan bagi membayar sewa pejabat di bangunan swasta dianggarkan untuk 6 bulan sahaja dan selepas itu adalah dijangka Bangunan Persekutuan di Kota Kinabalu akan siap untuk diduduki.

KEPALA B. 13—KEMENTERIAN HAL EHWAL SARAWAK

13. Bagi tahun 1973, Kementerian Hal Ehwal Sarawak memerlukan peruntukan berjumlah \$854,430 atau bertambah sebanyak \$491,130 daripada peruntukan bagi tahun 1972. Tambahan ini adalah disebabkan oleh penyusunan semula organisasi Kementerian itu yang telah dilaksanakan mulai 1hb Ogos, 1972 dan di dalam penyusunan semula itu beberapa jawatan baru telah diwujudkan.

13.1 Dari jumlah peruntukan yang dikehendaki itu, sebanyak \$371,450 adalah bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan dua Bahagian baru Kementerian itu, iaitu

Bahagian Perbendaharaan dan Bahagian Perjawatan yang dahulunya ditunjukkan berasingan di bawah Kepala Bekalan 8 dan 21. Penyusunan semula Kementerian itu adalah hasil dari kajian yang telah dibuat bagi menubuhkan satu organisasi dan jentera pentadbiran yang lebih kemas dan teratur bagi menjalankan tugas-tugas Perbendaharaan dan Perjawatan dengan tujuan untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih berkesan dan cekap bagi kepentingan Jabatan-jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya usulkan supaya semua peruntukan yang disebutkan tadi diluluskan.

Tuan Pengerusi, saya datang kepada Anggaran Pembangunan bagi tahun 1973. Saya tidaklah bercakap banyak seperti yang telah saya sebutkan dari hal Belanja Mengurus.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralah kepada Anggaran Pembangunan bagi Tahun 1973. Saya mengusulkan supaya anggaran di bawah Kepala P. 7 dan P. 9 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual. Anggaran-anggaran di bawah Kepala-kepala yang di sebutkan tadi adalah seperti berikut:

Kepala P. 7—\$92,518,135 ... untuk Perdana Menteri

Kepala P. 9— 800,615 ... untuk Jabatan Kehakiman.

KEPALA P. 7—PERDANA MENTERI

Peruntukan pembangunan yang dikehendaki bagi Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 1973 ialah sebanyak \$17,722,135 secara langsung dan \$74,796,000 secara pinjaman atau sebanyak \$92,518,135 kesemuanya. Peruntukan tahun 1973 adalah terbahagi kepada 12 Pecahan-kepala. Tajuk dan peruntukan yang dianggarkan bagi satu-satu Pecahan-kepala itu adalah seperti berikut:

Pecahan-kepala 1—Perbelanjaan Pengiriman Pertakap-pertakap di bawah Rancangan Colombo. Peruntukan yang dicadangkan ialah \$300,000 untuk perbelanjaan pengangkutan dan insuran bagi alat-alat yang didermakan oleh Kerajaan Canada.

Pecahan-kepala 3, 21 dan 31—Kajian Rancangan. Peruntukan sebanyak \$5,400,000 dipohonkan di bawah Pecahan Kepala 3 untuk menjalankan beberapa kajian-kajian

kemungkinan (feasibility studies) seperti kajian Rancangan Lembah Kelang, kajian Rancangan Kelantan, kajian Dasar Pengangkutan dalam bandar-bandar dan Bandaraya Kuala Lumpur, (Urban Transport Policy and Planning Study for Metropolitan Kuala Lumpur), Kajian Rancangan Parit di Johor dan kajian-kajian jalanraya di Malaysia Barat.

Bagi Malaysia Timur pula sebanyak \$2 juta dipohonkan di bawah Pecahan-kepala 21 untuk kajian pembangunan di kawasan Miri-Bintulu di Sarawak dan sebanyak \$780,000 dipohonkan di bawah Pecahan-kepala 31 bagi kajian kemungkinan jalan-jalan di Sabah.

Pecahan-kepala 4—Pengangkutan dan Perjalanan

Peruntukan dikehendaki sebanyak \$30,000 bagi menemui perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan berkenaan dengan kajian-kajian kemungkinan.

Pecahan-kepala 5—Penilaian Punca-punca Alam Semula Jadi

Untuk meneruskan kerja penilaian punca-punca alam semula jadi (natural resources) peruntukan sebanyak \$343,000 adalah diperlukan.

Pecahan-kepala 6—Perbadanan Pembangunan Bandar

Peruntukan yang dicadangkan berjumlah \$43 juta iaitu sebanyak \$41 juta pinjaman dan \$2 juta pemberian. Peruntukan yang lebih diperlukan dalam tahun 1973 oleh sebab banyak projek-projek Perbadanan telah selesai dikaji dan dirancang dan sudah sampai ke peringkat sedia untuk dilaksanakan.

Pecahan-kepala 7—Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara

Sejumlah \$7,904,000 adalah diminta bagi tahun 1973. Dari jumlah ini, \$1,796,000 ialah secara pinjaman dan \$6,108,000 ialah pemberian dan dari jumlah pemberian itu pula \$1 juta ialah untuk pengurusan Lembaga dan \$5,108,000 untuk perbelanjaan projek-projek pembangunan.

Pecahan-kepala 8—Kilang-kilang, Gudang-gudang dan Perkakas-perkakas bagi Simpanan Beras Kerajaan

Hanya \$1,825 diperlukan di bawah tajuk ini bagi pembayaran terakhir untuk gudang di Johor Bahru yang telahpun disiapkan dalam tahun 1972.

Pecahan-kepala 9—Lembaga Kemajuan Johor Tenggara

Peruntukan berjumlah \$2,759,310 dicadangkan bagi Lembaga Kemajuan Johor Tenggara. Dari jumlah ini \$2 juta ialah secara pinjaman dan \$759,310 ialah pemberian dan dari jumlah pemberian itu pula sebanyak \$473,310 ialah untuk belanja mengurus dan \$286,000 untuk perbelanjaan projek-projek pembangunan.

Pecahan-kepala 10—Lembaga Padi dan Beras Negara

Peruntukan sebanyak \$30 juta secara pinjaman adalah dipohonkan supaya membolehkan Lembaga melaksanakan tujuan-tujuannya, iaitu untuk memastikan harga padi dan beras yang berpatutan dan tetap, memastikan pembekalan beras yang cukup dan memajukan perusahaan padi dan beras.

KEPALA P. 9—JABATAN KEHAKIMAN

Jumlah peruntukan pembangunan yang diminta untuk Jabatan Kehakiman ialah sebanyak \$800,615. Dari jumlah ini, \$588,575 adalah untuk perbelanjaan menyiapkan 5 buah mahkamah baru di Malaysia Barat yang sedang dibina di Kuantan, Pasir Puteh, Parit, Tanah Merah dan Machang dan tertakluk kepada kemampuan Jabatan Kerja Raya, untuk kerja-kerja permulaan bagi membina mahkamah-mahkamah baru di Pekan, Parit Buntar dan Pasir Mas.

Sejumlah \$180,000 adalah dimaksudkan bagi memperbaiki bangunan-bangunan mahkamah yang lama dan sebanyak \$30,000 lagi ialah untuk menggantikan perabut-perabut yang telah rosak.

Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya peruntukan-peruntukan yang disebutkan sama juga dalam peruntukan di bawah Belanja Mengurus diluluskan.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap sepatah dua dalam Anggaran Perbelanjaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Pengerusi, if you look at the estimates that are being unveiled by the Honourable Deputy Minister, you will find that in many places there are sudden big jumps in what is generally known as O.C.A.R. With your permission, Mr Chairman, Sir, I will just give three examples:

Page		This year	Next year
73	Bekalan* dan Bahan* (Malaysia Barat)	\$ 11,000-plus	\$183,000-plus
49	Travel and Transport of Persons (Malaysia Barat)	104,000-plus	157,000-plus

Finally, on Page 37—Miscellaneous Services (Perkhidmatan Pelbagai—Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan)

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Muka berapa?

Dr Tan Chee Khoon: Muka surat 37, barisan yang akhir—Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih. Tahun ini langsung tiada peruntukan dan tahun akan datang \$547,000-plus.

Mr Chairman, Sir, the Government knows that while we on this side of the House will support any expenditure that is really needed by the Government, nevertheless, the Government must not think that we on this side of the House can support the Government without any critical analysis of the expenditure that it needs. I submit that in the matter of O.C.A.R.—Other Charges Annually Recurrent there must be an orderly increase, not big jumps, as I have indicated. If one looks at these estimates carefully, there are also big reductions. Now, I have no doubt that the Treasury or the various Ministries or the Departments concerned have reasons for whatever increases they may need or whatever reductions they may need, but I submit that such sudden big jumps or big reductions do not make good budgeting and certainly the taxpayer is entitled to know the reasons why there are such big differences.

Now, Mr Chairman, Sir, on page 29, there is an allocation of \$1 million plus for the transport of MPs. In order that we may encourage the use of MAS, I would urge the Government to allow MPs to travel by MAS free as they are now travelling by Malayan Railway Services first-class free. The cost to the taxpayer is pretty much the same—if you travel by air in economy class it is \$55; if

you travel by train first-class it is also \$55. I do hope that the Prime Minister's Department will look into this matter and see whether MPs can be allowed to travel free by the Malaysian Airline System supaya kita menggalakkan pengangkutan antarabangsa MAS.

Tuan Pengerusi, on page 33, Kepala B2 is the Auditor-General's Department. I submit that, in view of the fact that there are so many disclosures, not just in one year, but every year regarding what the Auditor-General regards as wasteful expenditures, that Department should be strengthened. I raise this matter in view of the many statutory bodies we are having.

We in this country are establishing statutory bodies practically one every month or may be even two every month and it is very important that these statutory bodies should have their accounts properly audited and presented to this House. When I raised this question in the Selangor State Assembly with regard to the P.K.N.S.—Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor—the answer given by the Honourable Menteri Besar was that the Auditor-General's Department just did not have enough hands to audit the P.K.N.S. accounts with the result that, although P.K.N.S. was established way back in 1964, its accounts were only presented in December this year. This is a very serious state of affairs, Mr Chairman, Sir, because millions are literally poured down to be used by the various statutory bodies and it behoves the Government to see that the millions of the taxpayers's money that is being given to the various statutory bodies should be properly used and there should not be wasteful expenditure. So I hope that the Minister concerned sees to it that the Auditor-General's Department is strengthened with enough officers of experience so that they can carry out the auditing of not only just the Federal and State Government accounts, but also the accounts of statutory bodies.

Mr Chairman, Sir, on page 36, Kepala Bekalan 4, there is an allocation for the registration of voters and for the review of constituencies. I do hope that the Government will pay attention to what we say. In this House we have asked time and again regarding the all year round registration. I myself raised this matter way back five years

ago. The Government has said, "Kami akan mengambil tindakan yang sewajarnya." Malangnya langsung belum mengambil tindakan supaya pada keseluruhan tahun pengundi-pengundi atau rakyat di negara kita boleh mendaftarkan nama mereka. Since independence, there has been no new delineation of our constituencies, although the Constitution provides that such an exercise should be carried out once in ten years. I would urge the Government to pay attention to this because obviously in this country, in Malaysia Barat at least, you have constituencies which have around 16,000 voters, on the other hand, you have one urban constituency which has an electorate of 80,000. Clearly, this is not equitable and I would urge the Government to carry out this review of constituencies long before the next election is due.

Now, I come to Kepala B. 5, page 39. I would urge the Government also to see that the Public Services Commission adopts practices which are more in keeping with our times. A good deal of the practices are vestiges of colonialism. One vestige, Mr Chairman, Sir, is this that an officer who leaves the Government cannot ever hope to serve the Government again. I do agree that by and large this is a good rule that once you have left the Government, you have burnt your boots and that you cannot go back to the Government. But this country has a crying need for nurses, for example. Nurses leave the Government Service not because they are not satisfied with the conditions of service, not because they are not satisfied with their pay, but because in quite a number of cases, they cannot get the training that they desire—for example, midwifery; another thing is intensive care and the like. Now, nurses have their own reasons why they want post-graduate training and if they cannot get post-graduate training in this country, they leave the service and they go to the United Kingdom. The Minister of Health goes to U.K. and makes a big "bla-bla" in the Press hoping that the nurses will come back. When they come back, they find that there is this ruling which bars them from serving in the Government.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: (Dengan izin) Tuan Pengerusi, the Honourable Member is discussing on the general policy. But I think he should confine himself on these estimates.

Tuan Pengerusi: Well the policy of the service can be touched upon and that is the purpose of debating these Estimates in Committee, but not the general Government policy—policy of the service only.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Yes, indeed. I would submit that probably the Honourable Member may have gone outside the ambit of the estimates under discussion.

Dr Tan Chee Khoon: Actually I have not gone astray, Mr Chairman, Sir. This is very relevant to the debate, that the P.S.C. whose estimates we are being asked to approve today is adopting out-of-date practices and policies, and I submit that the Honourable Deputy Minister, instead of interrupting me, should listen a little more carefully, so that out of the goodness of my heart, he would see that I am trying to melichinkan dan menyempurnakan perkhidmatan Kerajaan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Mr Chairman, Sir, of course, I do not like to interrupt, because by nature I am very patient. Sir, I do not unnecessarily interrupt. But I think probably the Honourable Member has gone a bit astray. This is what I think.

Tuan Pengerusi: Which part?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Just now he touched on the health side, as far as the doctors and nurses are concerned.

Tuan Pengerusi: I think the Honourable Member for Batu was commenting on the Public Services Commission regarding recruitment, which is the responsibility of the P.S.C. in relation to the recruitment of nurses. So, he could mention, in passing, on the question of the recruitment of nurses because that is a service provided for by the Public Services Commission. (Kepada Dr Tan Chee Khoon). But you should not go into the details.

Dr Tan Chee Khoon: I do not want to go into details. I merely mention this because I do hope that the P.S.C. will have a reappraisal of its policies and adopt policies which are more in keeping with the needs, the hopes and the aspirations of the people of this country.

Mr Chairman, Sir, I come to Kepala B. 7, page 47. There is a reduction of three officers in the Economic Planning Unit. Sir, I wish

to ask the Government why there should be a reduction of three officers in the E.P.U. Much of the Second Malaysia Plan and of future Five-Year Plans will revolve round the working of the E.P.U. and, therefore, far from reducing the strength of the E.P.U., the Government should increase the strength of the E.P.U., so that we can get better basic data, for example, regarding unemployment, employment and the like, so that we can know where we are going with the Second Malaysia Plan.

Mr Chairman, Sir, on page 49, there is an allocation, I think, of \$1,500 for Pejabat Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. I notice that there is no such allocation for this year (1972), but there is an allocation for 1973 for this Pejabat Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj and there are a few other allocations in the same estimates. I do not know what is the purpose of such an allocation. Is the Government trying to emulate what happens in the United States? Not that I say it is a bad practice where Lyndon Johnson was given a huge library for storing all the materials pertaining to his administration—I do not know. I seek a clarification from the Honourable Deputy Minister and if there is no good reason, I think such an allocation of \$1,500 and other allocations for Pejabat Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj should be erased from the estimates, because it is a waste of public funds.

Mr Chairman, Sir, I now come to Kepala B. 7, page 53, Lembaga Perancangan Keluarga Kebangsaan. I fully support the Government's Family Planning efforts, and I hope all of us of whatever religion, race or caste, will support the family planning efforts of the Government, because obviously if we have a runaway birth rate, whatever gains we may make in the economic fields will all be wiped off by these increases in birth rate, so that all that we can share in this country is poverty one with another instead of prosperity if we can keep down the birth rate. I am reliably informed, Mr Chairman, Sir, that the Mufti of Perak three months ago on Hari Raya

Tuan Pengerusi: Which Pecahan-kepala is that, Honourable Member?

Dr Tan Chee Khoon: This is on page 53, Mr Chairman, Sir. There is an allocation of \$2 million-plus for Family Planning. Near the bottom there, there is an allocation of \$2.692 million for Lembaga Perancangan Keluarga Kebangsaan. Sir, I am reliably informed that the Mufti of Perak three months ago and also on Hari Raya, preached two sermons, which were printed, advising the faithful not to practise family planning; and the reason that he gave was a very sad one, because he went into racial arguments, why the Malays should not decrease in this country, because we need to have more Malays rather than have less Malays. But whatever may be the reason, Mr Chairman, Sir, I am concerned with the success of the family planning efforts, and I would urge the Honourable Deputy Minister to look into this matter and, if what I say is true—and I have seen the sermon printed in Jawi and I have got them translated for me—whatever may be his reasons, I would urge the Honourable Deputy Minister to look into this and to take disciplinary action, if necessary, so that the whole country can be wholeheartedly behind the Government in our efforts to curb the rise of birth rate in this country.

Now, Mr Chairman, Sir, I come to page 55, the allocation of \$2 million by way of grants and \$41 million by way of pinjaman to UDA. I support these allocations for UDA of \$43 million for next year. I do know that UDA is making very strenuous efforts to see that the bumiputras have a stake in our towns, have a stake in business and industry. But what I wish to sound a note of warning is this that with these huge sums of money that are being allocated to UDA, the Government must see to it that these sums of money are wisely spent; and this is where, unless we strengthen the Auditor-General's Department, whatever malpractices that may be carried out by various statutory bodies may not be revealed until years later, if at all they are revealed. So, I would urge the Government to see that all statutory bodies present annual audited statements of accounts together with their annual reports and that these audited statements of accounts and these annual reports should be tabled in this House, so that we can know what is being done with the millions of dollars that this House is being asked to allocate to the various statutory bodies.

Mr Chairman, Sir, I now come to Kepala B. 7—Public Services Department (Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia) and I notice that under this P.S.D. is the Pensions Office. I would urge the Government to see, despite the assurances given by the Honourable the Prime Minister, that there is no delay—by “no delay”, I mean no delay for more than one year—to pay pensions to people who have left the service on retirement either on reaching the age of 50 or the statutory retirement age of 55. For the various top Civil servants, Superscale A and Staff appointments, they have no difficulties at all; the private sector would snap them up like nobody’s business. But for the poor chap who is in receipt of pension, let us say of \$100, he finds it very difficult if he does not get his pension and gratuity on time. In the first instance, he is being asked to get out of his quarters. In the second instance, he has no money to either rent or buy a house. Then how can we have *masyarakat adil* in this country? How can we menyusunkan masyarakat di tanah air kita? So I would hope that the P.S.D. will speed up their work as far as pensions are concerned so that the pensioners do not have to wait for more than a year to get their pensions. I know of several cases of pensioners who have waited for more than a year and yet they have got nothing, not a single cent from the Public Services Department.

Mr Chairman, Sir, on page 66, there is a token allocation of \$10 for the Hall of Justice. During the past two, three years, there have been various pronouncements by the Government of wanting to build a Hall of Justice along Jalan Duta in Kuala Lumpur. But unfortunately I see that for next year, it is still a token vote. I would hope that the Government would find its way to turning this token vote into something more concrete so that we can have a Hall of Justice befitting of the dispensation of justice in this country.

While we are on this Kehakiman, Tuan Yang di Pertua, saya hendak bertanya kepada Kerajaan ada beberapa jawatan yang kosong di dalam perkhidmatan Legal Service. I do know that there is a Constitutional requirement regarding the filling of these vacancies, but I submit that if there are many vacancies then the Government should relax it and appoint temporary officers:

(a) to absorb some of the many lawyers

who are returning to this country either from abroad or from Singapore; and
(b) to give them experience.

As we know, in this country as elsewhere, whenever one applies for a job, one of the first questions that the prospective employer asks is, “What sort of experience do you have?” If the Government has several vacancies and if they cannot fill them up according to the quota as laid down in the Constitution, then they should fill them with temporary appointees so that we can fill these vacancies get the work done and give these young lawyers the much-needed experience that they need.

Mr Chairman, Sir, I now come to B. 10—Perangkaan. Here I want to say that none other than the Honourable Minister of Finance knows that there is a woeful lack of basic data in this country and whatever allocations that this House may make for the Statistics Department should have the support of all of us. I want to ask the Honourable Deputy Minister how many vacancies are there in the Statistics Department and if there are many vacancies, of the order of, let us say, 7 or 8, why are these vacancies not filled? Is it because that there are no suitable applicants, or is it because there are other reasons? This House and this country are entitled to know why, when there are people in this country who are qualified to fill such posts, yet such posts are not being filled? We know that there is a crying need for the Statistics Department to carry out the work of providing us with basic data that we need in this country.

Mr Chairman, Sir, with these remarks, I do hope that the Government will pay attention to what I have said and take action on the points that I have raised.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya bercakap berkenaan B. 7, muka surat 47, Bahagian Perancang Ekonomi.

Tuan Pengerusi: Saya suka hendak memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bila menyebut muka surat, hendaklah dengan bilangan Pecahan-kepala, supaya senang diikuti dalam buku estimate ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Muka surat 47, Pecahan-kepala 11002 (2) Bahagian Perancang Ekonomi. Di dalam Kementerian

atau Bahagian ini ada beberapa orang pakar yang merancang ekonomi negeri kita ini. Ada pakar-pakar yang kita bawa dari luar negeri—memang bagus pakar-pakar itu oleh kerana mereka akan membela nasib kita pada masa yang akan datang. Tetapi pakar-pakar anak negeri ini adalah penting sangat, oleh kerana saya fikir merekalah yang lebih tahu akan kedudukan sebenarnya tentang kesusahan, kemiskinan atau pun kekayaan bangsa Malaysia terutama sekali bumiputryanya. Dengan sebab itu, saya berharap banyak lagi bumiputra yang layak atau warganegara yang layak dilantik untuk menjadi pakar-pakar dalam hal ini.

Masalah yang kedua di dalam negeri kita ini ialah tempat-tempatnya pun berlainan, tumbuh-tumbuhannya berlainan, keadaan soilnya pun berlainan juga, terutama sekali di Sabah dan Sarawak dan di Malaysia Barat ini. Bukan sahaja berlainan antara keadaan di sesebuah Negeri, tetapi tiap-tiap daerah pun berlainan juga. Jadi sekiranya dijalankan penyelidikan di atas perkara-perkara ini maka mestilah difikirkan kampung-kampung atau daerah itu bagaimana kedudukan iktisadnya. Ada setengah tempat itu banyak kelapa. Jadi di kawasan kelapa, kalau hendak didirikan kilang, tentulah kilang minyak kelapa. Kemudian di tempat-tempat lain, kalau hendak meninggikan taraf hidup rakyat di luar bandar, saya fikir, Tuan Pengerusi, pakar-pakar ini mesti bersiap sedia dengan peta-peta yang jelas yang menunjukkan keadaan tanah dan tanamannya. Kalau ditanya di Kuala Selangor, apakah rancangan yang patut dibuat jikalau seorang pemodal datang daripada luar negeri hendak menanam modal di satu-satu tempat itu, jadi kita senang menjawabnya. Kalau hendak membina satu kilang kelapa sawit misalnya, maka adalah sesuai dibina di Sepang iaitu kawasan saya atau pun di tempat-tempat lain. Jadi saya harap, perkara ini akan dijalankan oleh Kerajaan, jikalau belum dijalankan, kalau sudah dijalankan, itu adalah lebih baik.

Selain daripada itu di muka surat yang sama iaitu (3) Bahagian Penyelarasan dan Kemajuan Pentadbiran. Di sini, Tuan Pengerusi, saya pun selalu bertanya pada tiap-tiap Kementerian. Apabila ditanya di atas satu-satu perkara ini terutama sekali berkenaan change of condition atau tukar syarat tanah misalnya, pegawai dari Kementerian akan menjawab: Ini saya tak boleh

buat apa-apa, oleh kerana ini adalah tugas Kerajaan Negeri, dengan sebab itu adalah lambat, tak boleh dibuat apa-apa.

Kalau begini jawapannya terus-menerus, sungguhpun ada peruntukan di sini mengatakan iaitu Bahagian Penyelarasan dan Kemajuan Pentadbiran, semuanya siap dan lengkap. Kalau sudah lengkap betul-betul misalnya, kalau kita hendak buat tingkat, kalau sudah betul-betul lengkap, taruh cermin, semuanya lengkap, tetapi apabila ditanya mengatakan tidak boleh berbuat apa-apa oleh kerana Kerajaan Negeri yang punya tanah. Jadi saya berharap pada hari yang akan datang hendaklah ada perhubungan yang rapat betul-betul diantara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat, atau antara satu Kementerian dengan Kementerian yang lain. Apabila ditanya Kementerian ini, katanya bukan Kementerian saya, tetapi Kementerian yang lain. Ini mengelirukan rakyat jelata di negeri ini.

Kepala B. 7 juga muka 48 berkenaan dengan Bahagian Peperangan Sarap Psychological Warfare Section. Perkara ini, saya fikir, Tuan Pengerusi, adalah terpenting sekali, membasmi penganas-penganas kominis, bukannya dengan senjata sahaja, ataupun dengan peluru (bullet) atau meriam, atau kapal terbang, helikopter dan sebagainya, tetapi peperangan semangat (psychological Warfare) adalah cukup penting di tiap-tiap negeri yang hendak menukarkan idiologi satu-satu orang yang telah berkarat idiologi dalam otaknya terutama sekali kominis-kominis ini. Kominis-kominis ini boleh dikatakan idiologinya macam ugamanya.

Kalau saya orang Islam, orang suruh saya tukar ke ugama Kristian, walau potong kepala saya sekali pun saya tidak hendak tukar. Begitulah kerasnya ugama Islam ini. Begitu juga kominis-kominis ini berfikir mereka betul. Dengan sebab itu, kita mesti tunjukkan jalan yang mereka ini tidak betul, iaitu kita berikan penjelasan-penjelasan yang dikatakan psychological warfare. Saya fikir perkara ini adalah penting daripada peluru-peluru. Oleh sebab kita bukannya hendak membunuh manusia, kita hendak menukarkan fahaman manusia ini supaya jangan mereka ini duduk dalam hutan bertahun-tahun, susah-payah dan sebagainya. Lebih baik dia keluar, oleh kerana di luar ini, keadaannya baik terutama sekali negeri kita yang telah mencapai kemerdekaan.

Saya berharap pada masa yang akan datang lebih banyak lagi pegawai-pegawai ataupun wang untuk ditambah lagi kepada psychological warfare ini.

Selain daripada itu Kepala P. 7, muka surat 55 (3) Kajian Rancangan. Kajian Rancangan ini ada banyak kawasan-kawasan yang dikatakan tidak sesuai. Wakil-wakil Rakyat ada mengatakan satu kawasan seluas 370,000 ekar di Sekinchan bahawa tanah ini sudah berpuluh-berpuluh tahun tinggal hutan begitu sahaja, apabila di tanya kenapa hutan ini tidak dibuka, jawab pakar-pakar pertanian mengatakan ini tidak boleh dibuka oleh kerana gambutnya dalam 10 kaki. Kalau gambutnya 3 kaki boleh di tanam kelapa, boleh ditanam kopi dan nenas, tetapi jika gambutnya 10 kaki, 15 kaki tidak boleh ditanam apa-apa. Saya berfikir, secara yang tidak pandai, iaitu kalau gambut 3 kaki boleh ditanam dengan nenas, akar nenas tidak sampai dua inci. Apa salahnya gambut yang 10 kaki dalam ini boleh juga ditanam nenas dan mengikut pakar-pakar Jepun mengatakan, kalau lebih dalam gambutnya tanah itu lebih baik untuk ditanam nenas. Saya berharap berkenaan kedudukan tanah ini, oleh kerana tanah-tanah di Sekinchan ini luas supaya dapat diselidiki oleh kajian rancangan ini untuk ditanam pokok-pokok yang sesuai untuk kawasan ini.

Sekarang saya bercakap pada Kepala P. 7, muka surat 55 (6), Perbadanan Pembangunan Bandar (Urban Development Authority). Saya mengucapkan syabas oleh kerana baharu-baharu ini UDA telah membeli satu bangunan yang tinggi di Kuala Lumpur. Inilah satu bukti yang nyata dan terang iaitu UDA telah memainkan peranannya pada hari yang ke hadapan, bukan hari ini, oleh kerana orang-orang Melayu, terutama sekali orang-orang bumiputra tidak mempunyai wang ringgit untuk membeli bangunan yang begitu tinggi. Maka UDA mengambil peranan membeli dahulu, dan pada hari ini juga saya dengan hati yang suci mengingatkan UDA bukan mengkritik iaitu di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Mountbatten banyak lagi kedai-kedai atau tanah-tanah diatasnya terdiri kedai-kedai yang buruk yang akan dijual. Hari ini boleh dijual, misalnya \$50,000 atau \$70,000 kedai dengan tanah, tetapi 10 tahun yang akan datang, Tuan Pengerusi, saya percaya bukan dapat \$60,000 atau \$70,000 tetapi boleh jadi \$½ juta, oleh kerana satu kaki tanah di

Hongkong, misalnya sampai \$2,000 atau \$3,000 satu kaki. Dengan sebab itu, di Kuala Lumpur pun pada hari yang akan datang dalam tempoh 10 tahun, jika misalnya, UDA memikirkan 10 tahun yang akan datang, oleh kerana UDA bukannya perbadanan untuk satu hari, UDA bukan untuk dua hari, atau dua tahun, tetapi selagi ada bulan dan matahari, barangkali UDA akan menolong bumiputra untuk meninggikan taraf hidupnya. Maka saya berharap kita memandang lebih jauh lagi untuk pembangunan.

Selain daripada itu, Lembaga Padi dan Beras Negara, Kepala P. 7, muka surat 57. Kalau tidak ada Lembaga Padi dan Beras Negara ini tentulah harga beras merosot dan petani-petani kita akan mengalami macam dahulu iaitu harga padi \$8 satu pikul dibeli oleh orang-orang tengah ataupun yang dikatakan lintah-lintah darat yang menghisab darah, terutama sekali pesawah-pesawah bumiputra.

Saya dapati baharu-baharu ini di Kuala Selangor, iaitu di Kuala Selangor, iaitu di Tanjong Karang, sungguhpun Lembaga Padi dan Beras Negara membeli padi orang-orang kita, tetapi kadang-kadang tempat menge-ringkan padi tidak ada. Dengan sebab itu, saya dapat tahu juga akan dibina di sebelah Tanjong Karang sana dan saya harap akan dibina dengan seberapa segera yang boleh. Keduanya pengangkutan tidak ada. Lori-lori tidak ada mengangkut beras-beras ini. Saya dapat tahu, kalau tidak benar, boleh dibetulkan, lori-lori ini didatangkan dari Kedah untuk mengangkut padi ini. Kalau begitu gayanya, susahlah. Saya berharap Lembaga Padi dan Beras Negara mempunyai lori-lori yang banyak, kalau tidak ada, beli lori yang lebih banyak lagi untuk mengangkut padi-padi yang ditanam oleh pesawah-pesawah kita, bukan sahaja sawah orang Melayu, tetapi juga orang Cina, India yang ada di kawasan Tanjong Karang. Itulah teguran-teguran saya secara membina di dalam perkara Belanjawan dan Pembangunan.

Tuan Hor Cheok Foon: Tuan Pengerusi, saya bangun dan menyampaikan observation-observation saya dalam Jawatankuasa ini dan saya harap Kementerian-kementerian yang berkenaan yang akan mengambil perhatian dalam perkara-perkara dan masala-masalah tersebut.

Yang pertama, saya suka merujuk kepada Perbelanjaan yang tidak termasuk di dalam Kementerian-kementerian, B. 1 muka 29 berkenaan Parlimen. Saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Pengerusi, we, Members of Parliament, have often heard the accusation that Parliament House is becoming not so far from being a "white elephant". Besides the 144 Members here, hardly any of the masses of the rakyat come to this House to feel and to experience the atmosphere down here, however limited is the democracy that we may have here in this House—and today we have got in the public gallery hardly 4 persons. So I would like to submit that the Ministry concerned should take steps to induce the general public, especially the people from the rural sector, to come to this House to visit and to know how Parliament functions so that the concepts and principles of democracy could be built in them in their early stages of development, especially the pupils and the younger generation.

Yang kedua, I would like to refer to Kepala B. 6, Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi. Tuan Pengerusi, the Railway Service Commission has inherited quite a wealth of experience in the set-up from the colonial masters, but all these years nothing has been improved, though many a time both in this House and in the Press the Government has promised that it is going to improve the mass media of transportation. Tuan Pengerusi, as we can see today, the Malayan Railway trains are plying between Butterworth, Kuala Lumpur and Singapore and from Gemas to the East Coast. With regard to the trains now in service, though the locomotives have been replaced by substantially modern ones, I was told that the coaches now in service are at least 45 years old, as you can witness when you travel in a train it will be rattling all through the journey. Another serious aspect in the train service is the class division. If you travel in the first-class coaches, as most Honourable Members down here have experienced, it is fairly comfortable as the coaches are air-conditioned. But if you go to the third-class coaches, there are hardly proper seats to be seated and the environment in these third-class coaches, in my opinion, is hardly fit for human beings. Therefore, I would like the Minister concerned to make sure that the Railway Service is improved in the very near

future. I would suggest that we create revolutionary changes in the Railway Service by changing our rail gauge from 3'6" to the modern gauge of 5' 2" which will enable our trains to go at a faster speed, so that the masses, especially the people up country, would be able to travel with comfort and with pride in the Malayan Railway in this country.

Another matter I would like to refer to the House is Kepala B. 7—Perdana Menteri, page 47, item (1) (iv) where there is an allocation of \$96,000 for the Special Functions Division. This allocation I presume is for the Minister charged with the responsibility for new villages. Tuan Pengerusi, my submission is this. The appointment of this Minister for the last 12 months as Minister in charge of new villages has not benefited the 900,000 new villagers even a little bit, whether in terms of upliftment of their standard of living or land or job or home. The 900,000 new villagers continue, as they have been in one whole generation of over 20 years, to be neglected and starved of development funds and excluded from the mainstream of social and economic development—landless, jobless, homeless and hopeless in the 450 new villages

Tuan Pengerusi: You are touching, Honourable Member, on the general principles of Government policy; we are not debating on policy now.

Tuan Hor Cheok Foon: I am submitting that the funds which have been allocated in this Kepala are insufficient and need to be increased. This is my submission. The fact is that the appointment of the Yang Berhormat Menteri concerned has benefited only 12 persons in Malaysia, namely, he himself and the 11 persons who are his staff. The \$10,000 which he gets from the Cabinet every month is just sufficient to pay his own salary and those of his staff. What the new villagers want today, and which the Honourable Minister should concern himself with, is a "New Village Revolution" to give the new villagers a just and fair deal after one generation of negligence.

The 900,000 new villagers in Malaysia have been neglected for long enough and I hope the Ministry concerned would sincerely concentrate funds and efforts to uplift the new villagers. In the Malaysian Five-Year

Development Plan there is not a single mention that new villages will be modified and that the 450 new villages will be included in the mainstream of social and economic development efforts. We, therefore, propose that the Government and the country should follow a Charter for a new village revolution in Malaysia which will end the decay and decline of the new village economy and develop them within the next decade into flourishing, new growth centres, modernising their economy and uplifting the standard of living of the new villagers by increasing their productivity and of their earned income and dispersing into the new villages industries to create new jobs, allocation of land for the landless and the provision of modern social services—such as public housing, electricity, water, medical services, improved educational opportunities and increased recreational and community services. The Charter I would like to propose would comprise of the following.

The Charter for new village revolution in Malaysia should be in three phases, divided into short-term, medium-term and long-term programmes. The short-term programmes are those targeted and those objectives to be completed by 1975, during the Second Five-Year Malaysia Development Plan; the medium-term programmes are those to be implemented under the Third Malaysia Development Plan, from 1975 to 1980; and the long-term programmes are those objectives which have to wait until 1980 for the complete revolution of new villages to be concluded.

The Malaysian Government should accept the following programme as a first Charter for the new village revolution to be completed under the Second Malaysia Plan by 1975. The urbanisation and the modernisation of the backward and rural areas is one of the objectives of the Second Malaysia Plan. The 450 new villages should not be left out in the programme to urbanise and modernise the rural life. The Government should have a long-term plan to urbanise all the 450 new villages in the country so that they will benefit from the progress of science and technology. To modernise this sector it will be necessary to ensure proper development of the infrastructural facilities, such as roads, communications, water supply, electricity, schools, training centres, hospitals, clinics, housing and recreational centres and the

dispersal of industries to new villages and the development of modern commercial industrial activities. To begin with the process of urbanisation and modernisation of these new villages, the Government should select at least 30 new villages and convert them into townships under the Second Malaysia Plan, and I submit that in the process the Government should disperse industries to these 30 selected and other new villages so as to create at least 50,000 jobs by 1975 to relieve the grave problem of unemployment and under-employment in the new villages.

Water and electricity: Of the remaining new villages without water and electricity, as pointed out by the Minister the other day during question time, 50% of them should be supplied with piped water and electricity by the end of 1975, and the rest at the end of the Third Malaysia Plan by 1980.

Schools, training centres, hospitals and clinics: The Government should launch a special programme to build secondary schools, training centres, hospitals and clinics to ensure that youths from the new villages are trained in steel and modern industrial and commercial activities and can enjoy the amenities of modern urban life.

I, therefore, say that in order to undertake the revolution of the 450 new villages, the Malaysian Prime Minister should establish a proper Ministry of New Villages with full power and funds to change the lives of the 900,000 new villagers, and he should be a senior Cabinet Minister and not like the present Minister from whom the other day we received a reply that he could not even give an assurance to the House as to how long he would take to solve the problems in the new villages. The present Minister for the new villages is a farce with no funds, power and responsibility. He has, in fact, the least funds of all the Ministries.

Tuan Pengerusi: You are touching on the general principles of Government policy, I am afraid, Honourable Member. I would like the Honourable Member to go on suggesting what steps should be taken to improve the lot of the new villagers but not to discuss on general Government policies regarding the appointment of Ministers, Ministries and so forth. You can only confine yourself to the items as stated in the printed copy of the Estimates.

Tuan Hor Cheok Foon: I am coming to it now, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: You better come to it quickly.

Tuan Hor Cheok Foon: The Minister for National and Rural Development has at his disposal \$20 million a year, but the Minister for new villages has only \$10,000 per year. Thus a proper Ministry of new villages should be established with a target of \$5 million a month, that is, \$60 million for the whole year to uplift the entire welfare of the new villagers. Therefore, I say the \$5 million allocation which the other day the Yang Berhormat Minister concerned spoke of is hardly significant, compared to the other Ministries.

Therefore, finally, what is needed is imagination, vision and the determination to help these 900,000 new villagers. The new villagers are Malaysian citizens and they have the right to demand from the Government that it adopts the Charter which I just now laid out for this revolution and to implement it if the Second Malaysia Plan's objective to eliminate poverty, regardless of race, is not an empty declaration.

Sekianlah terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong dengan sepenuhnya atas permintaan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pada waktu mengemukakan kehendak-kehendak peruntukan yang ada di hadapan kita ini.

Tuan Pengerusi, saya cuma hendak menyentuh dengan cara ringkas sahaja iaitu berhubung dengan Parlimen.

Tuan Pengerusi: Minta sebutkan muka dan Pecahan-kepala supaya senang boleh diikuti.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Berhubung dengan Parlimen ini, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah mengatakan bahawa kami Ahli-ahli Dewan Rakyat sekarang telah mendapat kenaikan elaun daripada \$35 kepada \$50. Apa yang saya hendak bangkitkan, Tuan Pengerusi, dalam masaalah Ahli-ahli Dewan Rakyat, saya minta Kerajaan supaya memikirkan Ahli Undangan Persekutuan yang telah memberikan khidmat pada tahun 1955 dan 1959 walaupun mereka ini tidak ramai,

mungkin Tuan Pengerusi salah seorang daripadanya, mereka sekarang ini terbiar, keadaan hidup mereka susah sedikit. Kalau Kerajaan boleh memberikan perkhidmatan kepada kami Ahli-ahli Dewan Rakyat dengan ganjaran, dengan persaraan, maka Ahli Undangan Persekutuan yang lalu itu patut kita fikir supaya mereka ini dapat penghargaan daripada khidmatnya yang telah menjadi jambatan kemerdekaan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, dalam Parlimen ini juga saya hendak katakan, saya mengharap masa yang akan datang . . .

Tuan Pengerusi: Pecahan-kepala mana yang dicakapkan oleh Ahli Yang Berhormat?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Sama juga, Tuan Pengerusi, berhubung dengan pentadbiran bilamana kita hendak bermesyuarat dibacakan Doa. Saya mahu Doa pada masa yang akan datang supaya Doa itu yang mana menyebutkan nama Tuhan itu digantikan dengan "Allah", ini ada lebih sesuai menurut himat saya pada segi adab Doa. Malahan pula, Ahli-ahli bukan Islam pernah bercakap dalam Dewan ini dengan menyebut perkataan "Allah" yang betul-betul menepati, seperti dia kata "alhamdulillah", "Allah Yarham", "Syukur alhamdulillah". Jadi saya mengharap segala ayat-ayat, segala perkataan-perkataan Tuhan yang ada dalam Doa kita itu digantikan dengan perkataan "Allah" bagi menyesuaikan negara kita ini yang Islam sebagai ugama resmi Negara.

Lagi satu perkara, saya hendak menyentuh dalam bahagian B. 3—Juru, Odit, Negara, muka 33. Dalam Juru Odit Negara ini, saya cuma hendak memberi pandangan mengenai Jabatan ini masa menolong Kerajaan pada maklumat apa yang ada dalam Rancangan Malaysia Kedua. Saya mengharap jabatan ini menjalankan penyelidikan, kalau boleh diangkat kerana pihak yang di atas kepada badan-badan berkanun Kerajaan dalam perjalanan kewangannya yang disalahgunakan atau bercurak membazir. Juru Odit Negara ini memang berkhidmat kepada badan yang berkanun sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Di antara yang meragukan rakyat, dalam bidang mengusahakan tanah yang diusahakan oleh badan berkanun Kerajaan. Ada badan-badan berkanun Kerajaan memberikan tawaran yang tinggi dan ada pula badan berkanun Kerajaan memberikan tawaran yang rendah, padahal

usaha menanamkan dan memugah hutan, taraf hutan itu sama dan tanamannya sama, perbezaan ini, dapat kita tengok bukan sahaja \$20 tetapi \$30 perbezaan antara satu badan dengan satu lain pada satu ekar. Ini satu ekar \$30 atau \$20 tetapi kalau semelion ekar berapa kerugian kewangan negara kita. Saya bagi contoh, Tuan Pengerusi, baharu-baharu ini pihak Persekutuan Pekebun-pekebun Kecil Kebangsaan dalam mengusahakan kompleks tanaman kelapa sawit dan getah menawarkan usaha menanam itu dengan harga murah daripada ejensi perbadanan Kerajaan yang lain seperti L.K.T.P. ataupun Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah dan juga lain-lain. Perkara yang semacam ini, saya fikir, patut diberikan perhatian oleh Juru Odit Negara kita supaya tidaklah wang negara ini dimembazirkan ataupun dapat faedah kepada manusia yang hendak bangun mengambil kesempatan dalam masaalah ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, dalam Jabatan Perdana Menteri yang ada mempunyai 16 bahagian, pertama sekali, gemar saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang akan menubuhkan Kerajaan Campuran peringkat kebangsaan dan telah ditubuhkan di beberapa banyak lagi Kerajaan Campuran. Ini saya nampak, Tuan Pengerusi, satu usaha yang patut rakyat berikan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berani bahawa bukan Parti Perikatan itu lemah atau tidak kuat tetapi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memandang kepentingan negara dan kepentingan rakyat. Maka dengan sebab itulah Kerajaan Campuran ini akan dilaksanakan pada peringkat kebangsaan dalam masa yang tidak berapa lama lagi mengikut ura-ura yang telah diumumkan. Begitu juga, bila Kerajaan Campuran akan dilaksanakan kelak penyusunan Kabinet akan dimulakan, saya mengharap kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memikirkan juga

Tuan Pengerusi: Di mana kepala menyusun Kabinet dan lain-lainnya ini?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ada, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, ada di sini, tetapi tidak bersangkut, itu polisi Kerajaan. Tidak bersangkut dengan polisi service ini, ini belanja Kabinet sahaja di sini tidak bersabit dengan menyusun Kabinet.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Walau-macammanapun, Tuan Pengerusi, saya hendak sengkatan kalau ada Jabatan-jabatan yang kecil-kecil itu kita satukan sahaja terutama sekali macam Kementerian Perpaduan Negara itu kita dudukan dia di bawah Kementerian Pelajaran sahaja kerana menjimatkan kewangan dan menjimatkan pegawai-pegawai. Yang kita hendak perpaduan dan muhibbah, Tuan Pengerusi, menurut pada himat saya ialah daripada gulungan anak-anak kita di sekolah. Jadi sesuai sangatlah saya fikir Kementerian Pelajaran memegang Kementerian Perpaduan Negara ini bagaimana yang telah saya cakapkan tadi.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya menyentuh dalam Perkhidmatan Awam Malaysia B. 8. Kita telah mengadakan 4 Suruhanjaya: Suruhanjaya Sheikh Abdullah, Suruhanjaya Suffian, Suruhanjaya Hakim Hashim, Suruhanjaya Hamzah.

Tetapi dalam Suruhanjaya Suffian ini, Tuan Pengerusi, ada juga perkara-perkara yang ditinggalkan dan patut dikaji balik oleh Suruhanjaya Hakim Suffian ini dalam masaalah tangga-gaji kakitangan Kerajaan. Di antara yang tertinggal, saya nampak iaitu Jabatan Penghulu-penghulu di Malaysia.

Tuan Pengerusi: Jabatan itu saya tidak dengar.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Penghulu, Tuan Pengerusi. Jabatan Penghulu ini khidmatnya dikira perkeranian, hanya mereka dapat \$125 pada permulaan.

Tuan Pengerusi: Soal Penghulu adalah soal Kerajaan Negeri. Di sini disebut Jabatan Perkhidmatan Awam B. 8.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tadi dia ada sebutkan Suruhanjaya Hamzah.

Tuan Pengerusi: Tolong terangkan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Suruhanjaya Hamzah itu yang mengkaji kenaikan gaji Pasukan Angkatan Tentera.

Tuan Pengerusi: Suruhanjaya Hamzah?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Sheikh, barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan tahu—Sheikh Abdullah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Suruhanjaya Tan Sri Sheikh Abdullah.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Jadi dalam masaalah tadi yang saya sebutkan berhubung dengan gaji Penghulu itu.

Tuan Pengerusi: Itulah saya bertanya masaalah Penghulu itu adakah tanggungan Kerajaan Pusat, tolong terangkan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Saya tidak tahu bahawa gaji Penghulu itu tanggungan Kerajaan Negeri tetapi, kalau boleh, pihak Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri memikirkan dan dikaji balik, sebab khidmat Penghulu, kerjanya berat, dia menjalankan segala gerakan Kerajaan, hendak melancarkan gerakan Dasar Ekonomi Baru, bekerja siang malam tetapi gajinya \$120. Tuan Pengerusi, fikirkanlah, bukan macam Penghulu zaman dahulu, yang gajinya, walaupun dia tidak ada gaji tetapi mereka itu kaya-raya. Tetapi Penghulu sekarang gajinya hanya \$120. Saya harap supaya tangga-gaji mereka ini disamakan seperti Bahagian III yang diperolehi oleh guru-guru, kalau boleh, dapat difikirkan dan dipertimbangkan.

Dalam masaalah Hakim Harun tadi, kita telah mengadakan Suruhanjaya Hakim Harun berhubung dengan membuat laporan Badan-badan Berkanun dan Majlis-majlis Tempatan. Jadi saya harap masaalah ini telah menjadi satu sungutan kepada mereka yang telah terlibat. Sebab mereka ini seramai 100,000 orang yang belum lagi menerima perubahan gaji menunggu laporan Hakim Harun itu, bila hendak diserahkan kepada Kerajaan dan bilakah hendak dilaksanakan. Mereka sekarang, sangat sulit dengan keadaan barang-barang, sara hidup sekarang mahal, tetapi kalau kita lambatkan dalam masaalah kenaikan gaji daripada Laporan Hakim Harun ini akan menyulitkan mereka yang terlibat.

Dalam soal Hakim Hashim ini juga. Tuan Pengerusi, saya harapkan selepas tugasnya berhubung dengan badan-badan berkanun ini, saya mengharap supaya dilanjutkan khidmatnya membuat satu kajian berhubung dengan gaji-gaji Yang Berhormat Menteri-menteri, Wakil-wakil Rakyat, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Saya harap tidak ada orang yang hendak menyiasat kita, jadi bagi saya begini: walaupun mengenai diri saya, saya tidak dapat pun tidak apa,

tetapi saya mahu mutu Menteri, Ahli Yang Berhormat Dewan ini supaya terpelihara. Sekarang mereka dapat gaji sebagaimana kita sedia maklum tetapi kalau kita bandingkan yang didapati oleh Ahli-ahli professional atau ahli-ahli swasta yang menjadi pengarah, yang menjadi director Yang Berhormat Tuan Pengerusi faham.

Tuan Pengerusi: Saya tidak faham.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Kalau tidak faham, saya fahamkan. Gaji yang diterima oleh Ahli-ahli professional ini lebih tinggi daripada Menteri kita. Kita hendak jaga mutu Menteri negeri kita, padahal urusan orang ini hanya satu jujuk, urusan Menteri ini seluruh negara, begitu juga Ahli-ahli Dewan Rakyat, dia bekerja bukan ada time, dan Tuan Pengerusi pun salah seorang daripada Ahli Dewan Rakyat; kerja kita sampai 20 jam, satu hari satu malam, begitu juga Menteri, kerja dia bukan tertentu. Lain daripada menjadi Menteri menjadi Wakil Rakyat, sudah tugas menjadi Menteri, bekerja pula urusan rakyat. Hal yang macam ini, Tuan Pengerusi, saya fikir patut kita merujuk pada Hakim Hashim supaya menimbang dan memikirkan pembayaran yang berpatutan kepada Menteri-menteri kita. Negara kita sudah maju. Kita kata Malaysia di Tenggara Asia ini jatuh negara yang maju, yang kaya, selain daripada Jepun, tetapi gaji Menterinya, gaji Ahli Dewan Rakyatnya—kalau ada orang kebun getah 50 ekar Ahli Dewan Rakyat tidak boleh lawan. Jadi tugasnya lebih banyak. Tenaga orang ini, dalam membangunkan negara, saya fikir patutlah bagi pihak Kerajaan mensyorkan kepada Hakim Hashim ini meneruskan dalam tingkatan gaji Menteri-menteri.

Tuan Pengerusi: Hakim Hashim—rujuk kepada Hakim Hashim.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ya.

Tuan Pengerusi: Fasal apa?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Sesudah Hakim Hashim ini melapurkan berhubung dengan tingkatan gaji badan-badan yang berkanun dan saya mensyorkan, kalau tidak, lantik satu Suruhanjaya lain. Tuan Pengerusi tentu bersetuju itu bagi dinaikkan.

Tuan Pengerusi: Saya tidak boleh kata saya bersetuju (*Ketawa*). Ada lagi Ahli Yang Berhormat? Ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ada lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Jabatan Kehakiman—B. 9.

Saya nampak, Tuan Pengerusi, dalam masaalah, masaalah hakim, saya hendak sentuh sedikit sahaja kerana tugas hakim kita dalam negeri ini melaksanakan pentadbiran, keadilan mengikut kuasa kehakiman yang diletakkan hak oleh Perlembagaan. Jadi, apa yang hendak saya bangkitkan dalam masaalah ini, Tuan Pengerusi, bahawa Undang-undang Awam dalam negeri ini saya fikir kita gunakan Undang-undang Awam daripada penjajah Inggeris 100 tahun dahulu, maka sudah tentu Undang-undang Awam yang berpandukan Inggeris, yang sesuai di negeri Inggeris atau sesuai di negeri penjajah. Kita telah merdeka selama 15 tahun. Menurut pendapat saya, Tuan Pengerusi, telah sampai masanya kita mengkaji semula Undang-undang Awam di negeri ini, disesuaikan dengan keperluan rakyat, samada sekali gus ataupun berperingkat-peringkat. Kiranya undang-undang dapat dimansuhkan bolehlah hakim-hakim kita mengambil undang-undang lain, terutama sekali undang-undang Islam sebagai contoh untuk dilaksanakan di seluruh negara; tidak dimonopoli oleh Undang-undang Inggeris. Terkadang-kala terbatas kepada sebuah negeri dalam Malaysia ini. Contohnya, Tuan Pengerusi, dalam fikiran saya yang citik ini.

Tuan Pengerusi: Di bawah kepala mana Ahli Yang Berhormat?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Di bawah kehakiman, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Bersabit dengan undang-undang ini?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Ya. Menurut himat saya, Tuan Pengerusi, masaalah ini pernah juga diperkatakan oleh Mahahakim kita dalam negeri ini berhubung dengan perkara yang saya sebutkan ini, tetapi di pihak Kerajaan belum lagi dapat menentukan atas sikap dan jawapan kehendak-kehendak Mahahakim itu. Saya nampak, Tuan Pengerusi, undang-undang yang ada berjalan dalam negeri kita ini

bercorak Inggeris. Umpamanya, saya hendak contohkan dalam undang-undang—kalau didapati salah berkahwat. Yang ditangkap itu, Tuan Pengerusi, orang Islam, orang yang bukan Islam terbabas, walaupun kita tidak boleh mengganggu hak Perlembagaan, tetapi undang-undang ini dibuat dalam masa Inggeris, orang Inggeris memang hendak melindungi diri mereka, dia memang menghendaki orang Islam itu supaya menjadi gondeknya dengan tidak ada satu kesalahan. Jadi, dengan keadaan yang begini, sebagai rakyat, samada Islam, bukan Islam dalam negeri ini, kalau dia berkahwat, dia berzina, kena semua sekali salah. Sebab tidak ada negara dalam dunia ini

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, yang membuat undang-undang ini di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Hakim-hakim yang mentafsirkan dan menjalankan undang-undang. Tidak berbetulan di bawah masaalah ini di bawah Kepala ini; merugikan masa Dewan sahaja.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Saya harap dalam masaalah ini juga kalau boleh dapat dikaji balik berhubung dengan undang-undang yang ada dalam negeri kita ini supaya dapat disesuaikan dengan keperibadian kita. Kita tidak boleh menafikan bahawa negeri ini ada menggunakan Undang-undang Islam, tetapi khasnya mengenai hukum-hukum keluarga sahaja—umat-umat Islam seperti membahagikan harta-pusaka dan nikah kahwin. Rakyat yang bukan Islam, saya memberi satu pandangan, seharusnya tidak kuatir dengan pandangan ini, kerana Undang-undang Islam, kalau kita jadikan Undang-undang Awam negeri ini adalah memberi keadilan kepada manusia dan memberi hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh manusia yang patuh dengan Undang-undang Awam.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, dalam bahagian Perdana Menteri, saya balik semula, tadi saya terlupa, berhubung dengan satu bahagian—Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam, di muka 53, Tuan Pengerusi. Kita mendengar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan dan merangkap wakil Perdana Menteri telah mengatakan berhubung dengan Majlis ini telah membuat berbagai-bagai kegiatan. Jadi, pada pendapat saya bahawa Majlis ini satu masaalah yang patut dibuat, terutama sekali yang dihadapi oleh umat-umat Islam di

dalam negeri ini, terutama sekali di kalangan belia dan beliawanis yang kurang bahan bacaan buku agama, padahal kita menghendaki rohani penuh dengan pengajaran agama yang akan melahirkan akhlak yang baik. Jabatan Perdana Menteri telah menubuhkan Majlis ini dan telah juga menubuhkan satu badan yang dinamakan Pusat Penyelidikan Islam. Menurut himah saya, Tuan Pengerusi, Pusat Penyelidikan ini patut kita beri peruntukan pada masa yang akan datang supaya dapat mereka ini membanyakkan buku-buku, majallah dan risalah-risalah yang bercorak Agama Islam dalam negeri ini.

Majlis Kebangsaan juga mudah melaksanakan masaalah ini kerana dapat kerjasama daripada badan yang saya cakapkan dan badan-badan dakwah Islam dan juga Jabatan Agama di tiap-tiap negeri. Alim ulama dan cerdik pandai di dalam negeri ini tentulah sanggup memberikan kerjasama dalam masaalah ini dan mengeluarkan buku-buku dan kitab-kitab dan bahan bacaan mengenai agama. Bahan-bahan ini dapat digunakan di sekolah-sekolah rendah, maktab dan untuk bacaan orang ramai. Ada belia-belia kita, Tuan Pengerusi, yang cenderung dalam hal agama. Mereka kena membaca buku-buku dalam bahasa Inggeris. Kadang-kadang buku bacaan Inggeris ini ada yang terpesong dalam kehendak Islam. Ada juga buku-buku agama yang sukar, yang susah sangat mereka hendak memahamkan kerana nahu buku-buku itu sangat susah difahami oleh belia-belia kita. Itu sahajalah, Tuan Pengerusi, yang dapat saya berikan pandangan dalam perbahasan ini. Dengan ini saya ucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan Ng Hoe Hun (Larut Selatan): Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada Kepala B. 1—Parlimen, yang berjumlah \$4,891,100. Saya hendak meminta izin bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, the House of Parliament is an august building but not a "white elephant" as the M.P. for Damansara said earlier, and it is disheartening to see that the building is being misused. I will give you an example. Earlier this year, a Malaysian organisation held a Ball-room session in the Banqueting Hall of Parliament. This went on till early morning. This, Sir, should not be so, and I am sure you will agree with me that the Banqueting Hall, Sir,

is a beautiful Hall and should only be used for State and Parliamentary occasions. But sad to say, Sir, that many organisations have used the Hall for other than State or Parliamentary occasions. This, Sir, is not becoming of a place like the House of Parliament, and I am strongly against the Banqueting Hall or any part of the building to be used for ball-room dancing or drinking sessions. Would I therefore, be correct if I request the authority of Parliament to refrain the use of Parliament and its building for the purpose of enjoyment? I am not against holding ball-room or drinking sessions—I drink myself, Sir, and I dance myself—but I am strongly against the use of the House of Parliament for such purposes. Please, Sir, could you, therefore, protect and preserve the dignity and honour of our House of Parliament? Terima kasih.

(Dr Awang bin Hassan mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dengan ringkasnya Kepala B. 1—Parlimen, tentang Pentadbiran Am dengan keseluruhannya dari muka 29 hingga 31, yang mendapat peruntukan berjumlah sebanyak \$4,891,100, mengikut anggaran yang dibentangkan di hadapan kita sekarang.

Tuan Pengerusi, Parlimen atau Ahli-ahli Parlimen adalah salah satu menjadi tulang belakang Kerajaan yang mengamalkan demokrasi berparlimen, seperti negara kita dan juga negara-negara yang lain mengikut Perlembagaan masing-masing. Bagi Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat sudah semesti mempunyai tanggungjawab yang berat kepada rakyat dan negara. Tuan Pengerusi, bagi kami Ahli Parlimen yang duduk di luar-luar bandar dalam negeri Sarawak adalah boleh dikatakan yang selalu menjadi tempat rakyat di kawasan kami meminta bantuan di masa mereka mendapat kesusahan dan kesuntukan sebagai rakyat yang miskin di luar bandar. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, terpaksa kami juga menghulurkan bantuan dengan kadar yang terdaya bagi membantu mereka.

Begitu juga cara perhubungan adalah sangat sukar yang mana kebanyakannya memakai sungai-sungai dan berjalan kaki dengan melintasi hutan dan belukar yang mengambil masa dua hingga tiga jam dari satu kampung atau Rumah Panjang ke

kampung atau Rumah Panjang yang lain. Kadang-kadang terdapat juga tempat yang terpencil jauh mengambil masa hampir-hampir satu hari berjalan kaki dari satu tempat ke tempat yang lain.

Beginilah keadaan dan yang pernah dialami oleh kami sebagai Wakil Rakyat apabila kami pergi melawat ke tempat-tempat kawasan kami untuk menemui rakyat di luar-luar bandar, atau tempat yang terpencil di pedalaman yang sudah tentu memakan belanja yang banyak. Dengan memandang dan apa yang dialami sendiri, maka saya bersetuju dan menyokong syor yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara membahaskan Belanjawan, 1973 di dalam Dewan ini supaya ditubuhkan sebuah Suruhanjaya untuk kajian dan lapuran mengenai elaun Menteri, Anggota Parlimen dan juga Anggota Dewan Undangan Negeri seperti langkah yang telah dibuat memberikan kenaikan gaji kepada kakitangan Kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya merayu kepada pihak yang berkenaan untuk memberi keistimewaan sedikit kepada Ahli-ahli Parlimen dari Malaysia Timur untuk mendapat satu tiket kapal terbang MAS bagi Kelas Ekonomi pergi dan balik untuk seorang isteri Ahli Parlimen dalam tempoh masa satu tahun sekali, misalnya waktu Persidangan Belanjawan seperti ini. Dan saya mengesyorkan juga iaitu Ahli-ahli Parlimen daripada Malaysia Barat yang belum pernah pergi melawat ke Malaysia Timur patut diberi peluang untuk melawat ke Sarawak dan Sabah dengan belanja Parlimen supaya Ahli-ahli itu nanti dapat mengetahui lebih dekat lagi keadaan pembangunan dan sebagainya di Malaysia Timur yang mana Ahli-ahli Parlimen di dalam Dewan ini adalah sebagai Ahli Parlimen Malaysia yang harus mengetahui keadaan di Malaysia Barat dan juga di Malaysia Timur.

Akhirnya, saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Krian Laut): Tuan Pengerusi, bercakap dalam perbahasan ini, saya hanya hendak menyentuh di atas dua kepala sahaja, iaitu yang pertama Kepala P. 7, maka surat 56; Pecahan kepala 10—Lembaga Padi dan Beras Negara.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya suka lah menyampaikan ucapan setinggi-tinggi

terima kasih kepada Pengerusi Lembaga Padi dan Beras Negara yang telah membuat lawatan ke kawasan saya baharu-baharu ini dan telah mengumumkan iaitu sebuah kompleks pengering padi akan dibina di Krian Laut yang akan menelan belanja dianggarkan lebih kurang \$3 juta. Tetapi, Tuan Pengerusi, saya berasa ragu sedikit mengikut dalam Buku Anggaran yang dibentangkan ini iaitu muka surat 135 daripada jumlah peruntukan sebanyak \$30 juta telah dicatitkan di sini, maka tidak terdapat iaitu di dalam Negeri Perak, di Krian Laut tidak disebutkan dalam senarai kerja-kerja yang akan dibuat pada tahun 1973 nanti.

Saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan kedudukan kompleks pengeringan padi yang telah diumumkan hendak didirikan di kawasan saya itu.

Yang sebenarnya, Tuan Pengerusi, kompleks pengering padi di kawasan ini amat penting dan mustahak sekali kerana di kawasan Krian Laut ini terdapat, bukan sahaja di Krian Laut bahkan diseluruh Krian ini belum ada sebuah kompleks pengeringan padi lagi sedangkan di daerah Krian mempunyai hampir 70,000 ekar tanah sawah yang sekarang ini boleh dikatakan walaupun sebahagian daripadanya masih belum dirasmikan sebagai rancangan penanaman padi dua kali setahun, tetapi dengan daya usaha sendiri penduduk-penduduk di kawasan tersebut hampir keseluruhan kawasan persawahan di situ telah ditanam dua kali setahun.

Pada tiap-tiap kali musim hujan bila mana petani-petani mengambil buah padi, maka akan kedapatanlah di sepanjang-jalanraya yang terdapat di kawasan itu dipenuhi dengan padi-padi yang dijemur di atas jalan-jalan raya.

Saya rasa Tuan Pengerusi sendiri dapat melihat gambaran itu seperti mana yang disiarkan di dalam akhbar baharu-baharu ini, bagaimana jalanraya di kawasan Krian dipenuhi dengan padi-padi yang dijemurkan di atas jalan itu dan keadaan ini bukan sahaja mendatangkan bahaya kepada lalu-lintas bahkan mungkin mendatangkan kerosakan kepada padi-padi itu kerana bila padi ini dijemurkan di atas jalanraya dan bila dikumpul balek dimasukkan ke dalam guni, maka akan bercampur dengan batu-batu ataupun pasir-pasir yang ada di atas jalan-jalan raya itu. Keadaan ini memanglah

petani-petani di kawasan itu sendiri tidak menggemarnya, tetapi seperti yang kita maklum di semua kawasan persawahan bila tiba musim hujan, maka kawasan itu biasanya rendah dan tidak ada tempat untuk petani-petani ini hendak menjemurkan padinya. Saya berharaplah kepada pihak LPN supaya dapat menunaikan rancangan kompleks pengering padi seperti mana yang telah diumumkan oleh Pengerusi LPN itu iaitu hendak didirikan pada tahun 1973 yang akan datang ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Kepada P. 9 muka surat 66, Pecahan-kepala 1—Bangunan-bangunan Mahkamah. Tuan Pengerusi, mahkamah adalah tempat duduk menegakkan keadilan undang-undang. Biasanya setengah-setengah perkara yang dibawa ke mahkamah itu sejauh mana keadilan yang dapat dibuat adalah bergantung di atas bukti-bukti atau kerjasama-kerjasama daripada saksi-saksi, tetapi malangnya keadaan setengah-setengah mahkamah yang terdapat di negara kita ini mungkin boleh menakutkan setengah-setengah orang untuk tampil ke muka bagi menjadi saksi-saksi di dalam sesuatu perkara yang di bawa ke mahkamah. Kerana dengan keadaan bangunan-bangunan mahkamah yang buruk dan uzur dan setengah-setengah tempat pula bilik-bilik atau tempat-tempat yang menempatkan saksi-saksi itu tak ubah seperti kandang lembu dan keadaan ini juga selain daripada bangunan terdapat juga kerusi-kerusi ataupun bangku-bangku yang ditempatkan di dalam bangunan-bangunan mahkamah itu sendiri yang setengahnya kalau duduk beramai-ramai mungkin patah.

Dengan keadaan yang demikian, Tuan Pengerusi, tentulah tidak sewajarnya dengan kehormatan mahkamah itu sendiri. Jadi mustahaklah perkara ini diberikan perhatian oleh pihak Kerajaan terutama sekali bila kita memandang yang mahkamah begitu banyak memberikan bakti dalam memungut hasil khazanah negara ini melalui mahkamah samada Mahkamah Rendah, Mahkamah Tengah dan juga Mahkamah Tinggi banyak wang-wang dipungut pada tiap-tiap tahun.

Saya berharaplah supaya pihak Kementerian yang berkenaan akan mengambil perhatian berhubung dengan bangunan-bangunan mahkamah dan juga tempat-tempat duduk di mahkamah-mahkamah itu.

Dan di sini saya suka mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian yang berkenaan, sebab bila saya perhatikan dalam buku Anggaran Belanjawan ini pada muka surat 53, ada terdapat Bangunan Mahkamah Parit Buntar mendapat tapak baharu di Pekan Parit Buntar dan tanah tambahan di Pasir Mas yang diperolehi termasuk di Parit Buntar. Ini barangkali adalah dalam perhatian pihak Kementerian untuk membuat satu bangunan mahkamah baru di Parit Buntar sana.

Dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih semoga bangunan mahkamah yang begitu uzur di Parit Buntar itu dapat digantikan baru dengan seberapa segera dan dibangunkan pula sebuah bangunan baru sebagaimana yang dirancang.

Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara): *(Dengan izin)* Mr Chairman, Sir, I refer to Kepala B. 5, page 39—Public Services Commission. Thousands of Malaysians apply every year for jobs in the various Ministries and very often they have to wait for a long time to be informed that they are either rejected or that they would be called for an interview, and this is very frustrating for these applicants. They do not know for the few months that they have to wait before they are informed that they are either rejected or that they would be interviewed, what their fate is, whether they should look for jobs elsewhere or not. It would be better if the Public Services Commission can give them an answer much earlier. Various Departments perhaps will have to shortlist the number of applicants who would be interviewed, but this could be expedited, Tuan Pengerusi.

I also understand that many of the Ministries have vacancies and they are anxious to fill these vacancies because the work of these Ministries are being held up due to shortage of staff, but before these vacancies can be filled, applicants for these vacancies have to be interviewed by the Public Services Commission and every year the Public Services Commission has to interview thousands of people and I am told, and I believe, that they have a hard time. Their number is small but the number of applicants who have to be interviewed is very great and therefore the delay in interviewing applicants takes place unnecessarily.

It would therefore be better, Tuan Pengerusi, if Government could appoint more people to sit on the Public Services Commission.

Firstly, the applicants concerned themselves would not have to wait for so long to be interviewed and, secondly, the various Ministries could get the staff that they require much earlier.

Tuan Pengerusi, I would like now to refer to Kepala B. 9, on page 62, Sub-head 1100—Salaries and Wages of Judges and Magistrates. Tuan Pengerusi, there is a shortage of Magistrates in this country and as a result a number of smaller courts in the rural areas have been closed down and justice is now being meted out in the bigger towns. This causes a lot of hardship to the people who live outside the bigger towns. They have to come to the bigger towns for their cases to be heard. Even where the sums involved are small, they have still to travel long distances for their cases to be heard and very often cases are postponed, simply because a number of cases, five, six, sometimes seven, eight or nine cases, are fixed for hearing on the same date by the same Magistrate. The number of cases are so many that suitable dates are very difficult to come by and as of now in Penang, in the Magistrate's Court, one has to wait for three to four months for a case to be fixed and there is no guarantee that the case will then be heard. This particular problem has been brought up in this House a number of times. Ministers have repeatedly stated that they would look into the matter, but to-date no solution has been found. The only solution, Tuan Pengerusi, is to increase the number of Magistrates.

Very often Magistrates are transferred from one court to another court, from Penang to Perak or from Perak to Kedah, and I feel that these transfers take place somewhat too often and this also causes cases to be postponed and delays to take place and as a result of these frequent transfers innocent members of the public are made to undergo a lot of hardship. A Magistrate in one place, having heard a case, makes a decision, but then there is an appeal against his decision and he gets transferred before he can even give his grounds of decision and having been transferred to another place he has to pick up the threads there, start all over again and he invariably finds little time to write out his Grounds of Judgement and there

have been cases where people have to wait for years for the Grounds of Judgement before their appeal can be proceeded with. This is an unsatisfactory state of affairs. I am not criticising the Magistrates themselves, but I think the conditions under which they work and the fact that Malaysians, I feel, are more conscious of their rights and therefore are more prone to go to courts, increase the volume of work and if the number of Magistrates do not proportionately go up, this is to be expected and that is what is happening. Therefore, I appeal to the Government to increase the number of Magistrates in the country.

Further, Tuan Pengerusi, the number of Interpreters in the courts are also short. Very often a case cannot proceed because the Interpreter is engaged in another court. Here again, I appeal to the Government to engage more Interpreters because delays of this nature cause a lot of hardship to members of the public.

I would now refer to cases of a particular nature where married women go to court claiming for maintenance from their husbands. In Penang only one afternoon in a week is allotted for this kind of cases and a large number of married women come to court for their claim of maintenance, but because only half a day is set aside to hear these cases, many of them have to keep coming back to court 10, 20 or 30 times perhaps before their cases are heard and this really causes hardship not only to the unfortunate women, but where children are involved, it creates further and unnecessary hardship. I think if there are more Magistrates, these cases could be dealt with faster and more days could be allotted for the hearing of such cases. I, therefore, would really appeal to the Government to take up this matter seriously because where justice is concerned, it should not be delayed.

Tuan Pengerusi, I would now like to refer to Kepala B. 7, page 55, item (2)—Land Capability Classification Programme. Under the Second Malaysia Plan only \$40,000 has been allotted for this particular item and in the year 1971 \$19,899 was expended; in 1972 nothing was expended and for 1973, it is all blank. I would like to have an explanation from the Minister as to why nothing has been expended in the year 1972 and nothing is proposed for 1973. Surely, Tuan Pengerusi,

we have heard a lot from Ministers that they are checking on this and they are checking on that, to find out whether a particular area of land could be used for a particular purpose or not, and I do not really believe that the amount allotted can do the job it is meant to do. Further, I am surprised why nothing is allotted for 1973 and nothing was expended in 1972. I would like to have an explanation on that score.

Tuan Haij Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun hendak memberi sokongan penuh di atas Perbekalan yang ada di hadapan kita pada hari ini.

Tuan Pengerusi, saya bercakap dengan rengkas sahaja iaitu menyentuh tiga Kepala: B. 1 Parlimen, B. 5 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan B. 7 Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi, dalam saya memperkatakan berkenaan dengan Parlimen yang telah mendapat peruntukan yang banyak juga pada tahun ini dan ramai daripada rakan-rakan saya yang telahpun bercakap berkenaan masalah "Doa" dan patutlah disemak balik semula dan saya adalah menyokong di atas apa yang telah dicakapkan oleh rakan-rakan saya.

Hanya ada satu yang saya rasa patut saya timbulkan di sini berkenaan dengan Library.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita maklum bahawa disesebuah Parlimen itu tentulah tidak lengkap, jika tidak ada mempunyai kutubkhanahnya dan saya selalu pergi ke sana, dan apa yang nampak kekurangannya pada hari ini, ialah buku-buku yang berkenaan dengan Bahasa Kebangsaan, dan saya merayu kepada Tuan Pengerusi supaya buku-buku dalam Bahasa Kebangsaan itu dapat dibanyakkan lagi di dalam khutubkhanah Parlimen ini.

Yang kedua, saya juga menyokong di atas apa yang ditimbulkan oleh rakan saya dari Larut Selatan tadi yang kerap kali kita mendengar bahawa tari-menari atau Majlis Tari-menari selalu diadakan di dalam Bangunan Parlimen ini yang tidak ada sangkut-pautnya saya katakan, dengan Ahli-ahli Parlimen, oleh kerana kita hendak menjaga bahawa Bangunan Parlimen ini janganlah menjadi sebagai satu hotel atau sebagai satu tempat dansa, maka saya

berharap supaya pihak yang berkenaan mengambil perhatian supaya di masa yang akan datang Bangunan Parlimen ini adalah sebenar-benarnya menjadi sebuah bangunan yang terhormat dan begitu juga, kita dapati bahawa Bangunan Parlimen ini sebuah bangunan yang memakan belanja berjuta-juta ringgit dan banyaklah mempunyai kelengkapan-kelengkapan samada di luar dan di dalamnya, iaitu dengan barang-barang yang berharga malah, tetapi saya selalu juga melawat ke sini semasa tidak ada Persidangan Parlimen, saya dapati pintu-pintu luar di sana tidak ada Guard yang menjaganya. Walaupun ditaruh satu gate sahaja dengan ditegah tidak boleh masuk, tetapi ini saya rasa, tentulah tidak akan dapat menahan mereka jika kita tidak adakan Guard atau orang yang mengawal disekeliling bangunan ini sekurang-kurangnya. Dan saya berharap supaya pihak yang berkenaan dapat mengambil perhatian berkenaan dengan meletakkan kawalan-kawalan yang ketat. Bukanlah kita hendak mencegah orang awam supaya dapat masuk, tetapi kita takut, boleh jadi disalahgunakan. Boleh jadi ada orang-orang yang jahat yang cuba hendak memusnahkan bangunan atau Tugu Yang Teramat Mulia Tunku, tentulah senang sahaja dapat dijalankan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya menyentuh berkenaan dengan bangunan. Bangunan ini, rasa saya sudah lama tidak dicuci, di luar-luarnya didapati banyak berkulat dan sebagainya. Jadi saya berharap jika sekiranya wang peruntukan tidak cukup, maka dapatkanlah peruntukan tambahan wang supaya bangunan ini dapat dibersihkan dari luar supaya boleh didapati pandangan yang lebih cantik lagi atas keadaan yang ada pada hari ini.

Bercakap berkenaan Kepala B. 5 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Baharu-baharu ini, saya rasa tidak berapa lama dahulu kita ada membaca dalam suratkhbar bahawa ada orang-orang yang masuk temuduga atau ketika hendak ditemuduga berkenaan pengambilan (recruitment) ada menggunakan ijazah-ijazah yang palsu. Pada hari ini, Tuan Pengerusi, ijazah palsu tidak menjadi satu perkara yang mustahil. Barangkali ada syndicate-syndicate yang kita bayar duit kepadanya, kita boleh dapat apa sahaja ijazah yang dikehendaki. Saya cuma berharap pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam meneliti dengan sehalus-halusnya supaya

mereka-mereka yang cuba mengambil kesempatan menggunakan ijazah-ijazah palsu ini supaya tidak mempunyai peluang lagi di dalam negara kita. Dan kalau bolehnya hendaklah ditemu-duga dengan sehalus-halusnya. Dengan cara temu-duga dengan sehalus-halusnya itu, maka dapatlah kita kesan adakah pemegang-pemegang ijazah itu benar daripada mereka yang mempunyai ijazah yang asli atau palsu. Saya berharap perkara yang semacam itu tidak dapat berlaku di dalam negara kita yang sedang membangun dan yang sedang berkehendakan kepada kemajuan.

Kepala B. 7—Tabung Haji. Saya dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini mengucapkan banyak terima kasih kepada pihak yang berkenaan Tabung Haji yang telah dapat menguruskan dengan begitu baiknya perjalanan-perjalanan orang-orang haji. Saya nampak pada tahun ini lebih baik daripada tahun-tahun yang sudah dan saya berharaplah bahawa pekerjaan yang semacam ini dapat dijalankan seterusnya. Tetapi satu perkara sahaja yang saya hendak timbulkan di sini. Kita selalu mendengarkan rungutan-rungutan atau rayuan-rayuan daripada Jemaah-jemaah Haji, yang itu tidak kena dan yang ini tidak kena, yang ini tidak puas, yang itu tidak puas dan sebagainya.

Sepatutnya, kalau boleh, saya rasa, ada lebih baik bagi Tabung Haji mendirikan banyak Pusat Pengaduan atau Pusat-pusat Penerangan di Mekah, kerana dengan kita adakan Pusat-pusat Penerangan dan Pengaduan di Mekah itu, maka dapatlah Jemaah-jemaah Haji kita meminta pertolongan dan membuat pengaduan di atas apa yang mereka itu tidak puashati. Dan dengan cara yang demikian, saya rasa, dapatlah kita memperbaiki lagi mutu perkhidmatan berkenaan dengan Urusan Haji ini daripada baik kepada bertambah baik daripada satu masa ke satu masa. Janganlah kita biarkan mereka itu apabila sudah balik ke tanah air, baharulah mereka itu datang kepada wakil-wakil rakyat membuat aduan begitu dan begini.

Dan kalau boleh biarlah kita banyakkkan lagi pegawai-pegawai kita semasa di Mekah terutama sekali di tempat-tempat seperti di Mina, Madina dan lain-lain lagi supaya dapat kita memberi pertolongan yang lebih baik lagi kepada Jemaah-jemaah haji kita yang ada di sana. Dan begitu juga saya berharap kepada pihak Tabung Haji bila

hendak sewakan kapal terbang khas (chartered plane) hendaklah kita memperhatikan dengan sebenar-benarnya supaya kapal-kapal yang kita sewa khas itu janganlah kapal yang disimpan lama, kapal yang tidak berjalan, duduk dalam workshop sahaja dan diambil bawa ke mari, kerana kita selalu mendengar bahawa kemalangan-kemalangan kapal terbang berlaku ialah kapal yang tidak berjalan, kapal yang tersimpan lama dalam workshop. Saya berharap kepada pihak yang menjalankan usaha-usaha itu dapatlah memerhatikan dengan telitinya supaya perjalanan yang telah kita gunakan kepada perjalanan dengan kapal terbang itu dapat lebih memuaskan daripada semasa kesemasa dan kita percaya bagi masa yang akan datang barangkali banyak lagi Jemaah-jemaah Haji kita yang akan ke tanah suci itu tidak lagi banyak menggunakan kapal laut.

Dan Kepala B. 7, Tuan Pengerusi, saya cuma hendak menyebutkan di sini berkenaan dengan istiadat. Dalam negara kita ini ada banyak bendera dan adat yang kita gunakan sekarang ini kita tengok tentulah adat-adat yang tidak berlawanan dengan tata susila bangsa kita dan Ugama Islam. Ada lagi bendera-bendera di negara kita yang mempunyai "Cross" atau "Palang" yang menunjukkan lambang Christian. Jadi saya tidak payahlah sebutkan, saya berharaplah pihak yang berkenaan supaya dapat mengkaji balik dan mengubah segala corak-corak yang ada yang bendera itu biar betul-betul melambangkan ke Islam dan jiwa kebangsaan kita.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya bercakap berkenaan dengan UDA. Rakan-rakan saya telah memberi sokongan yang penuh terhadap UDA dan saya berharaplah bagi pihak UDA janganlah mengecewakan rakyat dan janganlah begitu juga dengan sewenang-wenangnya mendirikan satu-satu projek dengan tidak lebih dahulu menelitikan, kalau pada permulaan kita keciwa, maka pada akhirnya tentu lebih keciwa. Pada peringkat permulaan itu, biarlah kita kata seperti kata orang Inggeris, "good start" ini permulaan yang cemerlang orang akan menjalankan tugas itu hendaklah mereka yang mempunyai pengalaman supaya wang rakyat yang kita belanjakan ini tidak mengecewakan harapan rakyat khususnya bumiputra bagi masa yang akan datang ini dan saya merayu kepada pihak UDA supaya bukan sahaja cuba membawa bumiputra-bumiputra atau

peniaga-peniaga daripada luar bandar ke dalam bandar, bahkan UDA harus juga membawakan perusahaan-perusahaan anak bumiputra dari luar bandar ke dalam bandar di mana sahaja UDA menjalankan projeknya dan saya percaya, umpamanya pada masa ini UDA menjalankan satu projek hotel, itu satu usaha yang baik. Saya tengok sambutan pun begitu bagus. Tetapi segala alat-alat yang di dalamnya, saya rasa, boleh kita gunakan bahan-bahan yang diusahakan oleh anak negeri seperti alat-alat katil dan sebagainya kita boleh gunakan batik atau kita boleh gunakan kain tenun dan sebagainya kalau mereka tak boleh buat, kita cuba mengusahakan mereka itu membuat usaha-usaha demikian.

Begitu juga di Kuala Kangsar, Perak ada menggunakan labu air untuk minum. Kita boleh memperbaiki mutu labu air itu dengan ukiran-ukiran yang cantik dan kita masuklah daripada kita gunakan flask, kita gunakan barang-barang yang dibuat oleh anak bumiputra.

Saya rasa, ini akan menjadi lebih gembira lagi, kerana semua manusia, Tuan Pengerusi, bukan semuanya boleh berniaga dan bukan berniaga sahaja boleh hidup, tetapi banyak lagi cara yang boleh kita melatih mendidik anak-anak bumiputra supaya kehidupan mereka itu akan bertambah tinggi dan bertambah mewah dan UDA tentulah mempunyai pakar-pakar yang banyak seperti engineer, akitek dan sebagainya, maka sudah tentulah UDA dapat memberi nasihat yang berguna kepada anak-anak bumiputra di luar bandar supaya mereka itu datang ke dalam bandar.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya sekali lagi memberi sokongan di atas Anggaran Perbekalan kita pada hari ini.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): *(Dengan izin)* Mr Chairman, Sir, I have just a few Heads to refer to. First of all, under Head B. 7, Perdana Menteri, sub-head 1100, item (1) (iv), Bahagian Tugas-tugas Khas, (Special Functions Division), page 47.

Just now my colleague, the Member for Damansara, has spoken at length on this particular Division and on the Minister with Special Functions to look into the new villages. I do not wish to go into the ground that has been trodden by my colleague, but I just wish to say a few words on this matter.

I believe, Mr Chairman, Sir, that if we are to have a Ministerial post to look into the problems of new village backwardness, it must be a Ministerial position which can really do something meaningful for the upliftment of the 900,000 new villagers in Malaysia. For instance, the replies that we have been able to get from the Honourable Minister concerned today during the Question Time cannot but confirm us in our view that this particular Ministerial appointment is just one in order to delude and to deceive the people about the true intentions of the Government. If I may refer to this blue book "Anggaran Belanjawan Kerajaan Persekutuan" where some of the details of the various Ministries are given, page 105, where under Perdana Menteri, Bahagian Tugas-tugas Khas, it is stated that:

"Bahagian ini diberi tugas-tugas untuk—

- (i) mengkaji masaalah-masaalah berhubung dengan kampung-kampung baru dan menyelaraskan tindakan-tindakan untuk menyelesaikan masaalah-masaalah itu;
- (ii) menyelaraskan permohonan-permohonan bagi kerja-kerja kecil seperti pembenaan parit dan jalan, dan penyediaan lain-lain kemudahan di kampung-kampung baru;
- (iii) menyusun semula masyarakat kampung baru untuk mengujudkan satu sikap baru yang bercorak Malaysia."

I would say that up to now the 900,000 new villagers in this country have not been able to see anything concrete from the Minister concerned or from the Government towards their economic upliftment. For instance, today we heard that the Minister concerned has gone round the country talking about new villages going to be modernised, urbanised and industrialised. When we asked for further information, all that we heard was that he was expressing hopes and wishes. But I do not think we need to appoint a Minister to express hopes and wishes for the people. The people have been hoping and wishing for twenty long years that their roads will be made good and there will be jobs for them, that there will be houses, that there will be land and that their children will have a full stomach. If we appoint a Minister to express hopes for them, I think, very soon we will have a lot of hopeful Ministers. For

instance, a few days' ago, again during Question Time, my colleague, the Member for Seremban Timur, asked the same Minister whether he would submit a report on his intentions or projects for new village upliftment to the House after his tour of so many villages, about which the Press, the television and the radio were so full of publicity and we were told that there was no need to make any report and, not only that, that he was not responsible to the House. I see here under the Jabatan Perdana Menteri that there is provision for holding seminars and workshops for kakitangan-kakitangan. Probably there is a need also for workshops for Ministers about the principle of collective responsibility of the Cabinet and the individual responsibility of Ministers to this House. Be that as it may, Mr Chairman, Sir, I would urge the Government, the Prime Minister's Department in particular, to really sincerely and genuinely go into this problem of new village poverty and backwardness and not to make use of this merely as a propaganda medium to try to deceive the people.

Under the Prime Minister's Department, I see also from this book that there is a Bahagian Pengajian Dasar. It says—

“Pada amnya Bahagian ini diberi tugas untuk—

- (i) memastikan pembentukan dan pengendalian rancangan-rancangan yang mengandungi unsur-unsur perubahan sikap;
- (ii) mengkaji masalah berkaitan dengan penghijrahan orang-orang desa ke bandar;”

Apart from this problem of new villages which we have spoken about, there is another area to which probably the Prime Minister's Department should also give heed and attention, that is, another area of great depression in the country—the problem of the retrenched estate labourers. We know that there are over 100,000 people who have been retrenched and there is a need for the institution of a special department to go into their problem, their socio-economic factors, the educational backwardness of their children, how to find alternative employment for them, and I hope that the Prime Minister's Department, and the Prime Minister, will be able in the coming year to have a special Department or even appoint a special Minister with special functions to go into their problems

and solve the problems of retrenchment, poverty and backwardness of the retrenched estate labourers. But I hope that if there is such a Minister he would not be just one expressing hopes but someone who will have funds, powers and resources to really do something to raise the living standards of the people.

Mr Chairman, Sir, I see from this blue book an interesting explanation as to the various programmes which the Prime Minister's Department will be undertaking, one of which is on page 124, item (b) Kajian Rancangan Kelantan: in order to uplift Kelantan—the projects are indicative—I do not know what is happening in today's PAS Congress—but it is probably indicative that as far as the Government is concerned, it is hopeful that there is going to be a Coalition Government. Be that as it may, I would make a plea, not for Kelantan because I believe that there will be people who are more competent to make a plea for Kelantan now that there is going to be probably a Coalition Government, but for other States which are depressed economically and one of them I would mention is Malacca where there is great unemployment and where there is no new economic means of livelihood. Therefore, I would hope that the Prime Minister's Department will not have only a special programme for Kelantan to look into the ways and means of uplifting the economic plight of the people of Kelantan, the poor in Kelantan, but also of all depressed areas in the other States, the more backward States such as Malacca, and that this will get the serious consideration of the Prime Minister's Department.

Mr Chairman, Sir, I refer to Head B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya. I note that there is a report here which says, “Satu Laporan mengenai kajian semula bahagian-bahagian pilihanraya akan dikemukakan kepada Kerajaan dalam tahun 1972 . . .” and I hope that when the Honourable Deputy Minister comes to reply he will be able to enlighten this House as to the position with regard the delineation of new constituency boundaries. The matter has been too long outstanding and I think the Government has had more than ample time to come to a decision on this matter and the House and the country have the right to know the position, whether the Government is going ahead with the proposals from the Election Commission for

the new delineation of electoral boundaries and when this delineation is going to come into effect.

Finally, there is another small point with regard to Head B. 7—Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan. Mr Chairman, Sir, during the Budget debate I have made reference also on this question of family planning and the Honourable Finance Minister has emphasised the importance of family planning if we are to arrest unemployment as a long term solution. I think even from the figures that have been given out by the Government in this blue book, the results of last year's efforts to carry out family planning in the country are very dismal. I do not think it augurs well for a serious, concerted family planning programme in line with the economic needs of the country. For instance, in page 129, we are told that there was only 60% achievement of the target for last year and I do hope that the Prime Minister's Department will give this matter serious consideration and make sure that there are ample funds, because we are told there are not enough funds for the carrying out of this job and that family planning efforts are carried out in the urban and rural areas. Also in my speech during the Budget debate I referred to the kuba-kuba that has been made during Hari Raya in Perak calling on the Muslims not to practice family planning and I do not think this point that I made was referred to at all by any Minister or the Minister concerned with family planning during the reply. I hope that this matter is not one which the Government is going to ignore or otherwise we might as well close down the Board for Family Planning.

These are the few points I wish to make Mr Chairman, Sir, and I hope that Deputy Minister concerned will take note.

Tuan Chan Siang Sun (Bentong): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Kepala B. 7 muka 47, Kepala Bekalan 7—Perdana Menteri, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (iv) Bahagian Tugas-tugas Khas.

Di sini, Tuan Pengerusi, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang cukup bijak menubuhkan Bahagian Tugas-tugas Khas ini yang mana kita tahu pada hari ini kita

ada dua orang Menteri-menteri yang bertanggungjawab dengan Tugas-tugas Khas.

Yang pertama, Menteri Tugas-tugas Khas merangkap Menteri Penerangan. Tugas-tugas khas ini ialah bagi menyasiasat atau mengawasi malapetaka banjir dalam negeri kita.

Selepas mengadakan jawatan ini Menteri yang berkenaan sudah pun membuat kajian untuk menubuhkan satu Suruhanjaya dan telah membuat lawatan ke beberapa buah Negeri dan pada masa sekarang ini kita dapat tahu bahawa kita tidak boleh mengawal banjir di tiap-tiap Negeri, walaupun bagaimanapun kita dapat satu langkah yang cukup berguna kita sebagai manusia, kita buatlah mana yang boleh untuk mengawasi banjir ini, kerana banjir ini adalah takdir alam.

Banjir yang berlaku baharu-baharu ini di Pantai Timur Menteri yang bertanggungjawab telah membuat suatu organisasi yang cukup lengkap. Kali ini banjir yang berlaku di Pantai Timur telah dapat dikawal dan Menteri kita ini ialah seorang Menteri yang cukup dinamik dan memandang jauh ke hadapan. Saya bagi pihak penduduk-penduduk di Pantai Timur mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih khasnya kepada Jabatan Perdana Menteri kita, kerana dapat menyelamatkan penduduk-penduduk, harta-benda dan juga nyawa mereka itu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh dalam Bahagian Tugas-tugas Khas ini di mana ada seorang Menteri Tugas-tugas Khas yang menjaga semua kampung-kampung baru di negara kita ini.

Selepas beliau mengambil jawatan ini beliau telah melawat secara rasmi ke beberapa buah Negeri di seluruh Malaysia dan beliau juga, kita dapat tahu, ialah seorang Menteri yang muda, kuat dan dinamik dan saya adalah bersedih sedikit, oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang tidak tahu langsung apa tugas Menteri ini yang cuba membuat untuk faedah penduduk-penduduk di kampung baru kita.

Masalah kampung baru ini bukanlah satu masalah yang boleh diselesaikan dalam sehari. Oleh kerana kampung baru ini ada di seluruh negara kita ini yang telah ditubuhkan di dalam masa darurat dahulu dan pada masa itu rancangan (planning) dan sebagainya tidak ada dirancang. Sekarang kalau

kita mahu menyusun balik tentang masaalah-masaalah, tentulah mengambil masa.

Jadi Menteri Tugas-tugas Khas ini sudah membuat apa yang boleh baginya. Saya boleh bercakap ini, oleh kerana bila beliau melawat negeri Pahang, tiap-tiap tempat yang dilawatinya saya sendiri ada mengikutinya. Tetapi saya berasa dukacita sedikit, tiap-tiap tempat yang saya pergi yang mana ada Wakil Rakyat dari Parti Pembangkang langsung tidak dapat seorang pun Ahli Yang Berhormat itu berjalan dalam kampung bersama-sama dengan kami. Jadi bila ada peluang dalam Parlimen, atau dalam Dewan Undangan Negeri, mereka membuat teguran secara besar-besaran, bermacam-macam tuduhan dibuat atas Menteri ini.

Saya berasa cukup dukacita atas masaalah kampung baru ini. Mereka membuat teguran yang tidak betul dan kita boleh siasat atas perkara ini yang menuduh Menteri ini, tetapi kita mestilah ingat bahawa kita mesti bekerjasama dari Pegawai-pegawai Kerajaan, Wakil-wakil Rakyat dan penduduk-penduduk kampung itu bersama dan kalau boleh kita mengikuti gerakan pembaharuan yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini, dan dengan yang demikian kita boleh bekerja sama atas masaalah ini yang boleh dapat diselesaikan dalam masa yang singkat.

Di sini saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang janganlah buat tuduhan selalu atas perkara ini, oleh kerana Menteri Tugas-tugas Khas ini datang dari MCA, dia orang muda, saya tahu barangkali bahasa Malaysianya tidak berapa lengkap, tetapi dia cukup kuat mempelajarinya. Jadi kita mestilah beri dia peluang menjalankan tugas ini.

Tuan Pengerusi, satu sahaja yang saya suka membuat rayuan di sini, iaitu saya berharap bahawa masaalah-masaalah dalam kampung-kampung baru ini biarlah banyak diusahakan, kalau cakap tidak ada dibuat, tentulah tidak ada benarnya. Walau bagaimanapun, kita berharap mendapat kerjasama, nasihat atau pertolongan dari Kerajaan Pusat dan dapat bersimpati dari tiap-tiap Kerajaan-kerajaan Negeri dan dengan kerjasama yang kuat dari Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari Parti Pembangkang, kita bolehlah bersama-sama menyelesaikan masaalah kampung-kampung baru di seluruh Malaysia kita ini.

Tuan Hussain bin Sulaiman (Besut):

Tuan Pengerusi, yang pertama sekali saya ingin menyentuh mengenai dengan Kepala B. 1, iaitu Parlimen.

Tadi sahabat-sahabat saya telah menyuarakan di dalam Rumah yang bertuah ini mengenai dengan gaji-gaji Menteri dan elaun-elaun Ahli-ahli Parlimen. Saya, Tuan Pengerusi, tidak hendak menyentuh soal-soal itu kerana kuasa itu ada pada mereka. Saya cuma hendak menyentuh nasib pegawai-pegawai dan kakitangan Parlimen yang agaknya mengambil bahagian yang sama berat dengan Ahli-ahli Parlimen di dalam Dewan ini.

Sedikit masa dahulu Ahli-ahli Parlimen telah dinaikkan elaun daripada \$35.00 kepada \$50.00 seorang yang menghadiri persidangan ini, tetapi apa yang saya dapat faham, kakitangan Parlimen yang bekerja sampai jauh-jauh malam ketika Dewan ini bersidang mereka mendapat habuan dan elaun yang sangat-sangat rendah. Bukanlah maksud saya hendak setarafkan dengan Ahli Parlimen yang mendapat \$50.00 sehari, tetapi biarlah setaraf dengan pegawai-pegawai dari Jabatan Perdana Menteri yang bertugas bersama-sama mengikuti persidangan Parlimen ini.

Apa yang saya dapat faham, elaun yang dibayar kepada pegawai-pegawai dari Jabatan Perdana Menteri yang mengikuti persidangan ini, yang berada di sebelah belakang Menteri-menteri mendapat suatu pembayaran yang agak lumayan, tetapi kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Parlimen yang bertugas bertungkus-lumus di dalam Dewan ini sampai ke larut malam hanya mendapat bayaran yang paling rendah jika dibandingkan dengan apa yang didapati oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Perdana Menteri.

Saya berharap sungguh-sungguh semoga perkara yang seperti ini tidak berlaku di dalam negara kita ini kerana mereka juga adalah manusia yang ingin kepada pembelaan, dan kalau keadaan ini amat berlainan, sudah tentulah timbul suatu perasaan yang agak menyakitkan kita sendiri.

Kemudian perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B. 7 Jabatan Perdana Menteri.

Yang pertama, yang saya hendak sentuh ialah Bahagian Penyelarasan, Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran. Kalau dilihat di dalam buku perbelanjaan yang dibentangkan ini, Tuan Pengerusi. . . .

Tuan Pengerusi: Sudah sampai masanya dan Ahli Yang Berhormat boleh sambung asok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Dr Awang bin Hassan: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.